


**Jilid I
Bil. 5**



**Hari Jumaat
10hb Januari, 1975**

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
SENATE

PARLIMEN KEEMPAT
Fourth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan
357]**

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Kumpulanwang Simpanan Pekerja (Pindaan) [Ruangan 384]

Rang Undang-undang Bank Pembangunan Islam [Ruangan 396]

Rang Undang-undang Perbandaran dan Lembaga Bandaran (Pindaan) [Ruangan 407]

Rang Undang-undang Mahkamah Keadilan (Pindaan) [Ruangan 417]

**Rang Undang-undang Pencen Balu dan Anak Yatim (Sarawak) (Pindaan) (No. 2)
[Ruangan 421]**

**Rang Undang-undang (Saraan) Yang di-Pertua Dewan Negara dan Yang di-Pertua
Dewan Rakyat (Pindaan) [Ruangan 422]**

**Rang Undang-undang (Saraan, Pencen dan Ganjaran) Anggota Pentadbiran dan Ahli
Parlimen [Ruangan 426]**

MALAYSIA

PARLIMEN KEEMPAT—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

Hari Jumaat, 10hb Januari, 1975

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR :

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI OMAR YOKE-LIN ONG, P.M.N., S.P.M.S., D.P.M.S. (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, DATUK ATHI NAHAPPAN, D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATUK HAJI DZULKIFLI BIN DATUK HAJI ABDUL HAMID, A.S.D.K., A.M.N. (Dilantik).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING (Dilantik).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI S. O. K. UBaidULLA, P.S.M., D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN ABDUL RAHIM BIN ABDUL MANAN, A.M.N., P.J.K. (Negeri Sembilan).
- „ DATUK HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN, D.S.W., J.S.M. (Dilantik).
- „ TUAN ABDUL SAMAD BIN OSMAN (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABU BAKAR BIN HAMZAH, J.P. (Kelantan).
- „ DATUK HAJI AHMAD BIN ARSHAD, D.P.M.J., A.M.N. (Johor).
- „ TUAN A. ARUNASALAM, A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK CHAN KWONG HON, D.P.M.S., J.M.N., S.M.S., J.P. (Selangor).
- „ DATUK CHONG FOO KHIN, D.S.K.D., P.J.K., P.P.T., J.P. (Negeri Sembilan).
- „ TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K., J.P. (Melaka).
- „ DATUK J. E. S. CRAWFORD, D.P.M.P., S.P.M.P., J.M.N., J.P., Datuk Kurnia Indera (Dilantik).
- „ PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN T. S. Gabriel (Dilantik).
- „ TAN SRI GAN TECK YEOW, P.S.M., J.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG (Sarawak).

Yang Berhormat TUAN KAM WOON WAH (Dilantik).

- „ DATUK LEE LOY SENG, D.P.M.P. (Perak).
 „ DR LIM AH SITT, P.I.S. (Johor).
 „ DATUK MANSOR BIN MOHAMAD, D.P.M.T., A.M.N. (Trengganu).
 „ TAN SRI MOHAMED NOOR TAHIR (T.H.) TAN, P.M.N., J.M.N., C.W.E. (Dilantik).
 „ TUAN HAJI MOHD. AMIN BIN HAJI YAAKUB (Kelantan).
 „ TUAN HAJI MOHD. SAAID BIN HAJI ABU BAKAR (Dilantik).
 „ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., K.M.N., P.J.K. (Dilantik).
 „ DATUK NGAU KEN LOCK, J.M.N., P.J.K., S.M.P., J.P., Datuk Kurnia Panglima Raja (Pahang).
 „ TUAN OOI ENG HONG, S.M.K., P.P.N., P.J.K., J.P. (Kedah).
 „ TUAN HAJI OTHMAN BIN ABDULLAH, P.C.M. (Perak).
 „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
 „ DATUK V. PONNUSAMY PILLAI, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P., P.J.K., J.P. (Dilantik).
 „ PUAN RAFIDAH AZIZ, A.M.N. (Dilantik).
 „ RAJA NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, J.S.M., S.M.S., P.J.K. (Selangor).
 „ TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S., J.P. (Dilantik).
 „ DATUK DR. C. SINNADURAI, P.S.D., P.N.B.S., J.M.N., S.M.K., S.M.B., P.J.K. (Dilantik).
 „ PUAN HAJAH SALMAH BINTI SHEIKH HUSSEIN, A.M.N. (Dilantik).
 „ DATUK SYED HASSAN AIDID, D.P.M.N., J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).
 „ DATUK SYED KECHIK BIN SYED MOHAMMAD, P.G.D.K. (Sabah).
 „ DATUK SYED OMAR BIN SYED HUSSAIN, S.M.P., A.M.N. (Perlis).
 „ CIK TOM SAUDAH BINTI HAJI OTHMAN, A.M.N., P.P.N. (Kedah).
 „ DATUK WAN SULAIMAN BIN WAN TAM, P.J.K. (Dilantik).
 „ DATUK DR WEE KHOON HOCK, D.M.K., A.K Datuk Kaya Pati (Dilantik).
 „ PUAN ZAWIAH BINTI ABDULLAH, P.J.K., P.P.N. (Trengganu).

YANG TIDAK HADIR :

Yang Berhormat TUAN HAJI C. D. ISMAIL, J.M.N., J.P. (Dilantik).

- „ TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHAMED YASSIN (Dilantik).
 „ DR LIM KENG YAIK (Dilantik).
 „ DATUK NIK HASSAN BIN HAJI NIK YAHYA, D.J.M.K., J.M.N., P.M.K. (Dilantik).
 „ TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).
 „ TUAN TING MING HIA (Sarawak).
 „ DATUK WAN IBRAHIM BIN WAN TANJONG, J.M.N., P.J.K., Orang Kaya Indera Maharaja Purba Jelai (Pahang).

YANG HADIR BERSAMA:

- Yang Berhormat Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar, DATUK ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Perancangan Am dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi, DATUK HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K. (Samarahan).
- „ Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA HITAM, S.P.M.J. (Labis).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, DATUK HAJI WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kemaman).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH AHMAD (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kota Setar).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Galian, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD (Santubong).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Lim Joo Keng.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suhor bin Husin.

Jamaludin bin Haji Ali.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Quah Mei Lan.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Shariff bin Md. Saad.

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

PELANGGAN-PELANGGAN TALIPON

1. Tuan Haji Ibrahim bin Haji Yaacob: minta Menteri Perhubungan menyatakan berapa bilangan pelanggan-pelanggan talipon di seluruh Malaysia sekarang.

Timbalan Menteri Perhubungan (Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail): Tuan Yang di-Pertua, jumlah bilangan pelanggan-pelanggan talipon di seluruh Malaysia pada hujung bulan Ogos, 1974 adalah seperti berikut:

Semenanjung Malaysia	...	122,131
Sabah	10,150
Sarawak	12,972
		<hr/>
Seluruh Malaysia	...	145,208

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sedar bahawa beribu-ribu permohonan yang hendak menjadi pelanggan talipon dalam negeri ini tidak dapat ditunaikan hingga makan masa bertahun-tahun? Apakah sebabnya dan apakah langkah Kementerian ini mengatasi masalah itu.

Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail: Kementerian ini sedar di atas adanya pemohon-pemohon yang masih belum dapat talipon dan usaha-usaha sedang dijalankan pada masa ini untuk menambah talian talipon dengan mengadakan ibusawat-ibusawat baharu di seluruh negeri, dan dijangka di Kuala Lumpur sahaja pada tahun ini 50,000 talian baharu akan dapat diadakan pada penghujung tahun ini.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Dalam jawapan Yang Berhormat tadi ada mengatakan 50,000 untuk Kuala Lumpur ini sahaja. Bagaimana kedudukan negeri kami negeri Johor, sebab negeri Johor berkehendakkan

talipon. Orang-orang di sana berkehendakkan kemudahan talipon ini.

Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail: Untuk Johor Baharu sahaja pada penghujung tahun ini kira-kira 4,000 talian talipon akan dipasang.

Datuk Mansor bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin hendak memberi sedikit pandangan, sebagaimana kata Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad bin Arshad tadi, negeri Johor mustahak, tetapi saya rasa negeri Trengganu lebih mustahak lagi daripada negeri Johor, kerana negeri Trengganu ini baharu membangun, dan kebetulan Yang Berhormat Timbalan Menteri pun datang dari Trengganu. Jadi, saya suka mahu bertanya dalam tahun ini agak-agak berapa ribu talipon akan diadakan, sebab talipon ini di Trengganu tidak cukup.

Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail: Untuk negeri Trengganu kira-kira 2,000 talian baru akan diadakan pada hujung tahun ini.

Datuk Syed Kechik bin Syed Mohamed: Soalan tambahan. Soal yang pertama ialah berapa banyak talian talipon di antara Sabah dengan Kuala Lumpur. Yang kedua, apabila kita buat panggilan talipon kadang-kadang kita kena tunggu sampai dua, tiga jam untuk mendapatkan jawapan, mengapa lambat?

Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail: Perkara itu saya berkehendakkan notis.

Datuk J. E. S. Crawford: Soalan tambahan. Saya minta kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan iaitu dari jumlah talipon yang disebutkan tadi adakah termasuk talipon Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri, atau talipon private sahaja.

Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, termasuk semua sekali.

Tuan T. S. Gabriel: Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sedar bahawa sistem talipon yang ada pada masa sekarang tidak begitu memuaskan iaitu reception dari satu tempat ke satu tempat dalam sebuah negeri apabila kita buat panggilan talipon tidak dapat reception dengan terang (clear). Sekarang kita ada satellite communication antara Malaysia Timur

dengan Malaysia Barat, tetapi dalam negeri di antara satu daerah dengan satu daerah yang lain apabila kita talipon langsung tidak boleh dengar. Bagaimanakah Kementerian beliau akan mengatasi masalah ini.

Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, kelengkapan baharu sedang diusahakan sekarang ini dan apa yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat ialah timbul daripada alat-alat lama yang masih tinggal sedikit-sebanyak.

Tuan Abdul Samad bin Osman: Oleh sebab panggilan talipon ini payah seperti dari Sungai Petani ke Kuala Lumpur kena melalui operator, maka tidakkah Kerajaan bercadang supaya semua talipon ini pakai automatik untuk menyenangkan.

Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail: Jawapannya, ya. Untuk Alor Star sekarang sudah dipasangkan, barangkali tidak berapa lama lagi untuk Sungai Petani pula.

Puan Rafidah Aziz: Soalan tambahan. Adakah kemungkinan bahawa Buku Panduan Talipon Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak akan disatukan supaya maklumat dalam Buku Panduan itu dapat diketahui oleh semua pelanggan di ketiga-tiga bahagian negara ini?

Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail: Perkara itu akan ditimbangkan.

JALANRAYA JINJANG/ KEPONG—LUASKAN

2. Tuan Haji Ibrahim bin Haji Yaacob minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan samada Kerajaan ada apa-apa rancangan untuk meluaskan jalanraya di Jinjang dan Kepong, dan jika ya, bila.

Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan (Tuan Richard Ho Ung Hun): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang ada rancangan untuk memperbaiki dan memperluaskan jalan Jinjang/Kepong itu. Adalah dirancangan supaya jalan tersebut di antara batu 5.30 hingga batu 8.00 diperluaskan dan dinaikkan tarafnya menjadi jalan dua hala (dual carriageway). Peruntukan telahpun disediakan untuk pengambilan tanah. Di samping itu dua buah traffic light akan dibina di dua tempat

iaitu di Jalan Kepong dekat Institusi Hutan Simpan dan di Simpang Jalan Kepong/Jinjang Utara untuk memudahkan lalulintas.

Projek ini dijangka akan dapat dilaksanakan pada tahun ini.

KEHILANGAN TENAGA PEKERJA L.L.N.

3. Tuan Haji Ibrahim bin Haji Yaacob minta Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan menyatakan jumlah kerugian di pihak Kerajaan akibat piket oleh pekerja-pekerja L.L.N. di seluruh negara.

Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan (Tuan Haji Mohamed bin Yaacob): Tuan Yang di-Pertua, kerugian akibat kehilangan tenaga pekerja (man-hour lost) yang dialami oleh Lembaga Letrik Negara berhubung dengan kejadian berpiket pada awal bulan Oktober, 1974 oleh pekerja-pekerja L.L.N. adalah dianggarkan lebih kurang \$200,000.

GURU SEMENTARA—LATIHAN

4. Dr Lim Ah Sitt minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) jumlah bilangan guru-guru sementara yang tidak terlatih yang berkhidmat di sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (China) sekarang;
- (b) memandangkan kepada kekurangan yang meruncing guru-guru terlatih di sekolah-sekolah yang dikatakan tadi, samada Menteri akan mempercepatkan latihan intensif untuk guru-guru sementara dalam cuti-cuti sekolah supaya dapat memenuhi kehendak yang segera di sekolah-sekolah ini;
- (c) apakah dasar Kerajaan kita tentang kerja masa depan dan kehidupan lebih kurang 3,000 guru-guru sementara sekolah China, kebanyakan daripada mereka telah mengajar beberapa tahun yang mana masa depan mereka sangat gelap dan tidak pasti dan mereka dikehendaki membaharui pekerjaan mereka setiap tahun tanpa kepastian; dan
- (d) samada guru-guru ini akhirnya akan diresapkan ke dalam perkhidmatan tetap setelah dilatih.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jumlah bilangan guru-guru sementara yang tidak terlatih yang berkhidmat di S.R.J.K. (China) pada bulan November, 1974 ialah 2,883.
- (b) Kementerian Pelajaran telahpun memberi latihan perguruan dalam masa cuti kepada dua kumpulan guru-guru sementara yang mengajar di S.R.J.K. (China) iaitu Kursus Sekolah Rendah China I dan kursus Sekolah Rendah China II. Pada masa ini dua lagi kursus Sekolah Rendah China sedang dijalankan iaitu kursus Sekolah Rendah China III yang akan tamat pada cuti penggal I tahun 1975 dan kursus sekolah Rendah China IV yang akan tamat pada cuti Penggal II tahun 1976. Pada cuti penggal III tahun 1974 kursus Sekolah Rendah China V telah dimulakan dan kursus Sekolah Rendah China VI akan diadakan pada tahun ini. Kemungkinan mengadakan kursus-kursus Sekolah Rendah China yang lain akan dipertimbangkan.
- (c) Guru-guru sementara yang mengajar di S.R.J.K. (China) yang memenuhi semua syarat-syarat yang diperlukan akan dipertimbangkan untuk memberi latihan perguruan dalam masa cuti dari semasa ke semasa. Disamping itu mereka yang memenuhi syarat-syarat yang dikehendaki boleh juga memohon kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran bagi latihan perguruan sepenuh masa di maktab-maktab perguruan apabila iklan berkenaan dengannya disiarkan di akhbar-akhbar tempatan.
- (d) Setelah menamatkan kursus dengan jayanya, mereka diberi peluang membuat permohonan untuk masuk ke jawatan tetap dalam perkhidmatan pelajaran.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebelum guru-guru sementara ini diambil, mereka tahu yang kerja itu untuk sementara. Ada atau tidak diberitahu supaya jangan perkara ini timbul lagi sebelum ianya diambil iaitu ada dinyatakan bahawa mereka ini diambil bekerja untuk sementara. Kalau perkhidmatannya nanti tidak dikehendaki maka bila-bila masa ianya boleh dibuang. Kalau hendak

bekerja, bolehlah terima tawaran tersebut; kalau tidak, tidaklah. Adakah dibuat begitu?

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, ada.

HARGA GETAH MEROSOT

5. Dr Lim Ah Sitt meminta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (a) sebab-sebab kemerosotan harga getah sekarang yang telah mengakibatkan kesukaran kewangan dalam negara kita khususnya pekebun-pekebun kecil dan pekerja-pekerja ladang;
- (b) apakah langkah-langkah yang Menteri akan ambil untuk memperbaiki keadaan ini; dan
- (c) apakah jumlah kuantiti getah yang dieksepot setiap bulan ke negeri-negeri berikut pada tahun lalu—Amerika Syarikat, United Kingdom, U.S.S.R., negara-negara Eropah Timur, Jepun dan China dan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk menggalak dan meransangkan China dan negara-negara sosialis yang lain membeli getah daripada Malaysia.

Menteri Perusahaan Utama (Datuk Musa Hitam): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Didapati banyak faktor yang menyebabkan tidak setabilnya harga getah asli. Faktor yang penting sekali ialah keadaan tidak seimbang diantara penawaran dan permintaan serta keadaan tidak anjalan (in-elasticity) penawaran yang begitu tinggi.

Berhubung dengan kejatuhan harga getah beberapa bulan lalu, didapati bahawa sebab utamanya ialah keadaan kerumitan ekonomi dan kewangan yang dihadapi oleh negara-negara perusahaan seperti di Eropah, Amerika Syarikat dan Jepun. Berikutan dari kerumitan-kerumitan ini masing-masing negara telah mengurangkan pengeluaran bagi berbagai-bagai perusahaan menyebabkan permintaan bagi getah telah berkurangan.

Langkah-langkah "anti-inflasi" oleh negara-negara pengguna juga dengan secara tidak langsung mengurangkan permintaan. Tambahan pula dalam

tempoh 12 bulan yang lalu didapati pengguna-pengguna telah mengurangkan paras simpanan getah (inventory) masing-masing kepada perengkat yang paling rendah.

Faktor-faktor yang saya sebutkan di atas tadi dan keadaan harga yang tidak tentu menyebabkan pengguna-pengguna lebih bersikap "tunggu dan lihat" (wait and see) dengan harapan harga getah akan turun lagi. Sistem tradisional perdagangan getah melalui pasaran barangan yang penuh (fraught) dengan cara-cara haram (malpractices), spekulasi dan "currency hedging" dan sebagainya juga menyebabkan tidak stabilnya harga getah asli selama ini.

- (b) Kerajaan telahpun mengambil beberapa langkah jangka pendek merupakan Rancangan Kilat (crash programme) dan jangka panjang yang merupakan Penubuhan Sekim Setok Penimbal Getah Antarabangsa untuk menstabilkan harga getah. Butir-butir lanjut langkah-langkah tersebut telah pun saya umumkan dalam Dewan Rakyat pada 28hb November, 1974 yang lalu dan dihebahkan dengan begitu luas.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil kesempatan, melalui Dewan yang berbahagia ini, melapurkan kemajuan-kemajuan yang telah dicapai di kedua-dua peringkat langkah-langkah yang sedang dilaksanakan itu.

Mengenai langkah jangka pendek Rancangan Kilat ianya sedang dilaksanakan dengan memuaskan, setelah mendapat kerjasama penuh dari semua pihak yang terlibat. Sektor estet dan juga pekebun-pekebun kecil pada keseluruhannya telahpun memberhentikan penggunaan bahan-bahan kimia galakan susu getah, terutamanya ethrel. Sektor estet telah juga memberhentikan torehan daripada 24hb Disember, 1974 hingga 8hb Januari baharu-baharu ini sambil memberhentikan torehan pada tiap-tiap hari minggu mulai 1hb Disember, 1974. Sektor peniaga-pengeksept juga mengambil bahagian dalam rancangan ini dengan menambahkan simpanan masing-masing dan pada akhir bulan Januari ini dijangka akan mencapai 50% daripada quota yang

diperuntukan kepada mereka. Tanda-tanda asal menunjukkan bahawa matlamat kita mengurangkan pengeluaran dan eksept ke pasaran dunia akan dapat dicapai dengan memuaskan walaupun dalam keadaan suasana ekonomi dunia yang masih meruncing pada masa ini.

Mengenai pembelian getah terus oleh Kerajaan dari pekebun-pekebun kecil, ianya sedang juga berjalan dengan lancar. Dalam tempoh langkah pembelian terus oleh Kerajaan dari 2hb Disember, 1974 hingga 5hb Januari, 1975, sebanyak 831 pusat pembelian dengan pegawai-pegawai sebanyak 109 orang telah dapat ditugas mengelolkannya. Mulai 6hb Januari, 1975, RISDA telah mengambil peranan penting juga dalam unit Pembelian ini dengan membeli untuk Unit itu getah-getah dari Pusat Memproses Getah Berkelompok dan Pekebun-pekebun kecil yang menjual menerusi Pusat memproses Getah Berkelompok. Ini akan memperluaskan aktiviti-aktiviti pembelian oleh Unit ini lagi.

Namun demikian memang ada beberapa masalah yang dihadapi dalam bidang pelaksanaan pembelian terus dari pekebun-pekebun kecil itu terutamanya bagi mereka di kawasan pedalaman yang sukar dimasuki oleh Unit Pembelian tersebut. Pihak Kementerian saya telah pun mendapat maklumat-maklumat yang berguna bukan sahaja daripada pegawai-pegawai yang bertugas bahkan daripada rakyat jelata jua. "Feedback" ini akan terus digunakan untuk memperbaiki lagi sistem pelaksanaan pembelian terus ini, supaya bilangan pekebun-pekebun kecil yang menikmati dari rancangan Kerajaan ini dapat ditambahkan lagi. Dalam hubungan ini agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan seperti RRI, Lembaga Pasaran dan Pelesen Getah, MARDEC dan RISDA akan bekerjasama dan berpadu tenaga bagi menjayakan pembelian tersebut. Saya telah mengarahkan Unit Pembelian ini mulai pada 7hb Januari yang lalu ditempatkan di dalam Kementerian saya sendiri dikelolakan dengan secara langsung oleh seorang pegawai kanan Kementerian.

Pada keseluruhannya saya sangat berpuas hati atas kesan-kesan yang telah dicapai hasil dari langkah-langkah jangka pendek ini. Walau bagaimana pun, seperti saya tegaskan dalam ucapan saya di Dewan Rakyat dahulu. Rancangan Kilat kita ini tidak akan mengakibatkan keadaan harga setabil selamalamanya kalau tidak dapat ianya di-evolvekan ke arah Rancangan Jangka Panjang.

Ke arah mencapai matlamat ini, Kerajaan telah mengambil inisiatif mengadakan perbincangan-perbincangan dengan negara-negara pengeluar getah asli utama iaitu Indonesia dan Thailand, serta Singapura, untuk mendapat kerjasama dan sokongan dari mereka bagi penubuhan Sekim Setok Penimbal Getah yang kita cadangkan. Saya meninggalkan Indonesia, Thailand dan Singapura dengan perasaan penuh puas hati dan ingin memaklumkan kepada Ahli-ahli Dewan sekalian bahawa berasas kepada semangat solidarity ASEAN, negara-negara tersebut telah menunjukkan minat dan sokongan penuh terhadap rancangan kita. Negara-negara ini mengakui bagaimana pentingnya kestabilan harga getah asli dan menyokong penuh segala bentuk tindakan-tindakan yang positif yang kita telah lancarkan untuk permulaan bagi mencapai tujuan tersebut.

Untuk memastikan supaya rancangan penubuhan Sekim Setok Penimbal ini berkesan dan atas cadangan Indonesia serta sokongan Thailand satu mesyuarat di peringkat pakar akan diadakan pada hujung bulan ini atau awal bulan hadapan untuk membincangkan dan meneliti dengan lebih lanjut lagi penubuhan Sekim Setok Penimbal yang kita cadangkan itu. Sebagai permulaan, mesyuarat ini akan dihadiri oleh negara-negara pengeluar getah asli anggota ASEAN sahaja yang merupakan pengeluar getah asli sebanyak 75% daripada pengeluaran dunia. Adalah dijangka bahawa negara-negara pengeluar getah asli lain yang menjadi anggota ANRPC atau Persatuan Negara-negara Pengeluar Getah Asli akan dapat bersama-sama menerima rancangan ini dan dengan itu

pula merupakan negara-negara pengeluar 86% daripada pengeluaran getah asli dunia kesemuanya.

Sebagai dalil yang menunjukkan rancangan kilat yang telah dilancarkan itu telah mendatangkan hasil yang memuaskan, saya suka menarik perhatian Ahli-ahli yang Berhormat pada paras harga getah yang ujud sebelum rancangan ini dilancarkan iaitu harga tersebut berada pada paras di bawah daripada \$1.00 sekilo bagi grade RSS1. Semenjak pelancaran Rancangan Kilat kita itu, harga getah telah meningkat sehingga 40 sen lebih daripada paras itu sekarang ini tanda-tanda menunjukkan iaitu harga ini telah setabil di paras 125 sehingga 130 sen sekilo. Dengan ini perbezaan harga sekarang dengan harga dahulu ialah lebih daripada 30 sen pada satu kilo. Seperti yang saya nyatakan, rancangan ini akan diteruskan bagi menentukan harga getah berada di paras yang kita fikirkan berpatutan dan sejajar dengan permintaan-permintaan dari luar negeri berserta dengan harga getah tiruan yang berkaitan.

Apa yang saya sebutkan tadi berkaitan dengan perbezaan harga telah menunjukkan iaitu bukanlah negara kita sahaja menikmati faedahnya bahkan negara-negara pengeluar getah asli serantau juga mendapat menafaat ini. Saya yakin dengan hasil yang menggalakkan ini negara-negara serantau akan terus memberi sokongan mereka yang penuh kepada cadangan kita untuk menubuhkan Sekim Setok Penimbal Getah Asli yang akan dibincangkan dengan secara detail antara tiga buah negara di antara pakar-pakar dan pegawai-pegawai tinggi daripada negara-negara utama pengeluar getah asli tidak berapa lama lagi itu.

Di dalam konteks negara kita, saya suka mengambil kesempatan di dalam Dewan yang berbahagia ini mengucapkan penghargaan saya terhadap kerjasama yang diberikan oleh berbagai sektor perindustrian getah ke atas Rancangan Kilat negara dan dengan itu saya percaya mereka dapat meneruskan sokongannya dengan sepenuh untuk masa-masa yang akan datang pula.

- (c) Jumlah kuantiti getah yang dieksepot setiap bulan ke Amerika Syarikat, United Kingdom, U.S.S.R., Negara-negara Eropah Timur, Jepun dan China bagi tahun lalu adalah disertakan sebagai Lampiran "A" dan dibentangkan oleh sebab terlampau panjang butir-butirnya.

Bagi menggalakkan dan memerangsangkan negara China serta negara-negara sosialis yang lain membeli lebih getah daripada Malaysia, Kerajaan

telah mengambil beberapa langkah tertentu. Antaranya ialah dengan menggalakkan penubuhan cawangan-cawangan pejabat pembelian negara-negara tersebut di sini supaya getah dapat dibeli terus dari Malaysia. Selain daripada itu Kerajaan juga akan menghantar rombongan perdagangan ke negara-negara sosialis seperti Eropah Timur dan juga ke Republik China dengan tujuan menggalakkan mereka membeli lebih getah daripada negara ini.

**EKSEKUTIF GETAH MALAYSIA TERUS KE NEGERI-NEGERI TERSEBUT DARI BULAN
NOVEMBER 1973—OKTOBER 1974**

(Dalam Tan)

Tempoh	Negeri-negeri yang dituju	Amerika Syarikat	United Kingdom	U.S.S.R.	Jepun	China	EROPAH TIMUR						Jumlah Eropah Timur
							Bulgaria	Czecho-slovakia	Hungary	Poland	Yugoslavia	Rumania	
1973	November ..	11,133	10,480	17,205	5,584	15,964	T.D.	51	T.D.	3,462	861	T.D.	4,374
	December ..	14,659	10,326	13,037	3,917	7,077	T.D.	236	T.D.	2,323	5,154	T.D.	7,713
1974	January	19,586	12,202	15,853	5,042	14,878	T.D.	743	T.D.	2,517	548	T.D.	3,808
	February	10,670	6,750	12,584	3,113	10,516	T.D.	T.D.	T.D.	741	647	T.D.	1,388
	March	15,955	6,756	11,053	3,661	12,431	T.D.	610	T.D.	3,188	8,674	T.D.	12,472
	April	9,939	7,043	20,296	2,887	7,559	T.D.	123	T.D.	3,808	107	1,201	5,239
	May	10,316	8,778	11,992	3,492	4,774	T.D.	138	T.D.	3,799	2,153	2,836	8,926
	June	15,794	6,318	18,760	2,938	4,531	T.D.	292	T.D.	2,272	4,200	226	6,990
	July	12,037	8,478	16,949	2,517	14,776	T.D.	99	T.D.	3,448	168	T.D.	3,715
	August	12,122	8,926	17,556	3,447	7,485	T.D.	651	T.D.	2,568	896	2,321	6,436
	September ..	11,936	8,102	14,021	2,754	4,449	T.D.	T.D.	T.D.	2,050	4,839	2,699	9,588
	October	15,541	6,522	16,287	2,893	6,795	T.D.	T.D.	T.D.	T.D.	3,188	T.D.	3,188
	JUMLAH ..	<u>159,688</u>	<u>100,681</u>	<u>185,593</u>	<u>42,245</u>	<u>111,235</u>	<u>—</u>	<u>2,943</u>	<u>—</u>	<u>30,176</u>	<u>31,435</u>	<u>9,283</u>	<u>73,837</u>

T.D.—Tidak didapati.

Rujukan: Angka-angka Anggaran Perdagangan Luar Semenanjung Malaysia.

Tuan T. S. Gabriel: Soalan tambahan. Saya ingin tahu siapakah yang menetapkan harga getah dari satu masa ke satu masa?

Datuk Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya sebutkan dalam jawapan saya ini, penetapan harga getah adalah bergantung kepada permintaan dan pengeluaran dunia (supply and demand). Tidak ada orang yang tertentu yang menetapkan harga.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, sebelum daripada saya membuat soalan tambahan saya, bagi pihak Dewan Negara ini, ingin saya ucapkan tahniah dan terima kasih kepada Kerajaan atas segeranya mengambil tindakan berhubung dengan harga getah samada jangka pendek atau jangka panjang. Soalan tambahannya, dalam jangka pendek Rancangan Kilat Kerajaan, adakah Kementerian ini sedar bahawa getah yang dibeli daripada pekebun-pekebun kecil itu samada terus dijual oleh Kerajaan kepada negeri-negeri pelanggan yang berkehendak, atau Kerajaan kena membuat satu gudang untuk menyimpan getah pekebun kecil dalam negeri ini?

Datuk Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, rancangan yang sedang dilaksanakan oleh Kerajaan masa ini ialah rancangan membeli getah terus-menerus daripada pekebun-pekebun kecil terhad kepada beberapa puluh ribu tan sahaja supaya getah yang dibeli itu dapat disimpan oleh Kerajaan sendiri dengan tujuan mengurangkan pengeksportan getah asli di luar negeri. Dan dengan sendirinya pula akan dapat membantu meninggikan paras harganya. Jadi jawabnya ialah untuk simpanan.

Datuk J. E. S. Crawford: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya minta penjelasan Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama, apakah langkah boleh diambil jika seseorang bermain judi dengan menggunakan paper rubber gambling? Kerajaan sekarang

membeli getah daripada pekebun kecil dan menyimpan banyak getah. Orang-orang di luar negeri seperti dari Singapura, London atau di mana tahu kita ada membeli getah dengan banyak, harga getah telah naik dan orang-orang bermain judi dengan menggunakan paper rubber. Pertanyaan saya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah langkah boleh kita ambil untuk menahan orang daripada mengetahui tentang pembelian getah daripada pekebun-pekebun kecil, iaitu ianya sulit, dan kita tahu getah yang kita beli. Bila mereka tahu, tentu mereka itu bermain judi lagi.

Datuk Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang dikemukakan ini ada hubungannya dengan soal yang saya sebutkan di dalam jawapan saya ini di mana soal pasaran pada keseluruhannya ialah begitu kompleks. Apa yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat yang bertanya dengan soalan ini, pada fahaman saya, ialah soal penjualan getah mengikut spekulasi. Jadi, mereka jual-beli mengikut speculation, mengikut dengar khabar-khabar angin dan sebagainya dan ini ialah satu cara penjualan dan pembelian getah yang telah lama wujud di dunia ini dan satu daripada sebab-sebabnya maka spekulasi berlaku ialah oleh sebab soal pengeluaran getah daripada tiap-tiap satu negeri ini tidak dapat ada dicontrol ataupun diawasi dengan begitu detail dan dengan begitu berkesan sehingga mereka yang menggunakan spekulasi menjual-beli getah ini dapat mengambil kesempatan membuat wang pada keseluruhannya. Pendek kata ini ialah soal pasaran pada keseluruhannya.

Ke arah memperbaiki kedudukan inilah maka langkah-langkah jangka panjang yang saya sebutkan tadi akan dapat memastikan kedudukan yang lebih baik lagi dan selain daripada itu Kerajaan telahpun menubuhkan apa yang kita kenal sebagai Lembaga Pasaran dan Pelesenan Getah (MRELB) tidak beberapa tahun yang lalu sahaja, masih muda umurnya, dan di dalam beberapa

bulan yang lepas melalui saluran A.N.R.P.C. ataupun Persatuan Negara-negara Pengeluar Getah Asli, kita telah berpakat dan juga mengambil langkah-langkah yang tertentu untuk memperbaiki marketing system ataupun system pasaran yang tidak puas hati ini di mana Malaysia, Thailand, Indonesia, Singapura dan negara-negara pengguna getah juga akan dapat dikoordinasikan supaya harga itu tidak dapat dipermainkan oleh anasir-anasir yang menggunakan sistem spekulasi ini.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan. Bagi saya jawapannya adalah terang dan nyata iaitu jawapan yang bijaksana daripada Menteri Getah tadi. Saya hendak bertanya begini: Negeri Arab dengan petroliumnya. Negeri-negeri Arab yang mengeluarkan petrolium, oleh kerana petrolium digunakan di seluruh dunia, kalau tidak motokar dan factory tidak boleh bergerak, dan dengan senjata ini—pada masa dahulu orang-orang Arab telah ditipu oleh orang-orang yang pandai seperti orang-orang putih dan kuning, tetapi hari ini mereka sudah pandai dan bersatu dan harga minyak telah naik. Tidak adakah difikirkan iaitu negeri-negeri yang mengeluarkan getah asli, oleh kerana ianya getah juga, kalau dikatakan getah tiruan adalah daripada petrolium. Hari ini petrolium telah naik, takkan getah begitu turun? Jadi kalau digunakan akal tentu harganya tidak 40 sen, ini bukan harga getah, harga tipu, harga yang ditipu oleh orang yang membeli. Sekarang ini kata Yang Berhormat Menteri, negeri-negeri yang mengeluarkan getah asli telah berunding dan kata sepakat akan membuat sesuatu perkara untuk meninggikan harga getah ini. Jadi bolehkah Yang Berhormat Menteri menyatakan kepada saya iaitu dengan adanya kata sepakat ini boleh atau tidak harga getah ini melambung naik semacam yang dibuat oleh negeri-negeri Arab?

Datuk Musa Hitam: Untuk rekod, saya ialah Menteri Perusahaan Utama dan bukan Menteri Getah (*Ketawa*).

Sebagai jawapan Ahli Yang Berhormat itu saya suka menegaskan bahawa langkah yang sedang diambil oleh Malaysia dan negara-negara pengeluar getah asli tidak sama dengan langkah yang telah diambil oleh negara-negara pengeluaran minyak. Ini saya suka menegaskan. Oleh sebab keadaan penggunaan dan faktor-faktor yang meliputi soal minyak pada keseluruhannya sangat berbeza dengan keadaan penggunaan getah asli di dalam dunia ini. Berasas kepada itu, saya telah menjelaskan di dalam Dewan Rakyat dahulu dalam ucapan saya menyatakan bahawa apa yang sedang kita buat ini bukanlah bertujuan untuk melambungkan tinggi harga getah tetapi untuk mendapatkan harga getah di paras yang difikirkan sesuai dengan keadaan pengeluaran dan permintaan dunia pada keseluruhannya di mana apabila harga getah itu sampai ke paras yang kita fikirkan reasonable itu, maka pengguna juga akan dapat keuntungan hasil daripada langkah-langkah yang kita sedang dan akan ambil itu.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, Berhubung dengan langkah Kerajaan membeli getah dari pekebun-pekebun kecil kita, ada dua masaalah yang hendak saya kemukakan, bahawa adakah Kementerian Perusahaan Utama sedar:

- (i) Selama ini Kerajaan cuma membeli getah keping sedangkan sekerap dan getah buku tidak dibeli. Ini menjadikan satu kesulitan kepada pekebun-pekebun kecil dan menjadi ejekan kepada pekebun-pekebun kecil kepada pekedai-pekedai getah yang lain.
- (ii) Bercanggahnya Pusat membeli getah cara berkelompok dengan MARDEC—harganya tidak sama. Dalam masaalah ini adakah Kementerian ini sedar dan apakah langkah untuk mengatasi kesulitan-kesulitan yang dihadapi oleh pekebun-pekebun kecil ini?

Datuk Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, asas soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu tidak benar, iaitu Kerajaan bukan sahaja membeli getah keping malahan melalui MARDEC juga membeli getah cair dan getah sekerap daripada mana-mana juga tempat yang boleh dibeli atau ada kilang-kilang yang berkenaan—itu untuk rekod.

Dari segi harga yang berbeza jawapan saya ialah cuma menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa soal grading tiap-tiap satu helai getah, samada diasap ataupun getah yang masih cair ataupun getah yang masih berair lagi (wet rubber) ialah satu soalan yang begitu kompleks yang sedang cuba diatasi oleh pihak Kerajaan melalui Badan Pasaran dan Pelesenan Getah yang baru ditubuhkan dan kuasanya baru sahaja, lebih kurang dua tiga minggu yang lepas dapat diambil-alih daripada Kerajaan-Kerajaan Negeri.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan. Dalam jangka panjang Yang Berhormat Menteri telah menerangkan dalam Dewan ini, saya ingin tahu atas soalan tambahan saya, apakah perlunya kita buat perundingan dengan Kerajaan Singapura, pada hal Singapura itu bukan negara yang mengeluarkan getah—ini satu perkara yang saya hendak tahu.

Datuk Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, faktor yang pertama ialah bahawa Singapura diterima oleh semua negara-negara pengeluar getah yang menjadi anggota ANRPC selaku satu negara pengeluar getah, ini teknikal. Sebagai satu penerimaan mengikut perlembagaan (constitution) ANRPC. Ini faktor yang pertama.

Faktor yang kedua ialah bahawa Singapura masih dan akan terus menjadi satu pusat penjualan dan pembelian getah yang penting di kawasan ini dan infrastructure yang ada di dalam negara itu sudah begitu lama ada di kawasan ini hinggakan Singapura akan tetap

memainkan peranan yang penting. Kalau kita tidak dapat kerjasama daripada Singapura, maka kita takut apa juga rancangan yang hendak kita buat ini akan menghadapi kebuntuan. Walau bagaimanapun saya suka menyatakan di sini, untuk mengelakkan salah faham bahawa di dalam pertemuan saya dengan Perdana Menteri Singapura di dalam lawatan saya di Singapura, pihak Singapura telah sedar akan kepentingan keseluruhan kawasan ini dan bukan untuk kepentingan Singapura sahaja, Singapura telah bersetuju memberi kerjasama yang sepenuh-penuhnya untuk menjayakan rancangan yang sedang kita rancangkan ini.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Satu daripada faktor yang menurunkan harga getah ini, ialah pada masa dahulu kita telah mengalami di atas perkara ini, iaitu stockpile getah Amerika yang dikeluarkannya banyak-banyak kemudian menurunkan harganya. Hinggakan harga getah pada masa dahulu iaitu dua tiga tahun dahulu lebih dahsah daripada harga hari ini iaitu 30 sen sekati. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya iaitu sekarang Kerajaan ada menjalankan daya usaha untuk meninggikan taraf harga getah kepada 40 sen atau 50 sen sekati yang mana kita fikirkan patut. Jadi, adakah sekiranya Amerika mengeluarkan stok-pilanya dengan banyak, maka akan menjahanamkan harga getah ini sehingga 30 sen. Adakah persiapan-persiapan untuk ini dibuat atau tidak.

Datuk Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, Amerika tidak ada lagi stockpile getah, malahan cuma ada sedikit sahaja stockpile yang dipanggil sebagai strategic stockpile. Jadi, ini tidak berbangkit langsung.

Datuk Syed Hassan Aidid: Tuan Yang di-Pertua, saya ada dua soalan tambahan.

Yang pertama saya suka hendak bertanya, adakah pekebun-pekebun kecil ini bebas untuk menjual getah kepada Kerajaan dan juga kepada pihak swasta. Yang kedua, kita semua tertarik hati dan berterima kasih kepada Kementerian yang berkenaan mengatakan ada sepakat di antara kita dengan Thailand dan juga Indonesia. Tetapi saya meminta Kementerian yang berkenaan tolong elaborate sedikit, bagaimanakah cara sepakat itu supaya kedua-dua negara ini jujur mencari jalan supaya harga-harga getah ini akan setabil.

Datuk Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, atas soal yang pertama jawapannya, ia, iaitu mereka dibenarkan dan diberi kebebasan untuk menjual kepada siapa juga yang mereka suka.

Menjawab kepada soalan yang kedua, bahawa soal kejujuran tidak berbangkit. Soalnya ialah supaya mereka bersama-sama dengan kita akan dapat meneliti dengan sehalus-halusnya atas rancangan ini bukan dari segi penerimaan atau tidak rancangan ini, tetapi dari segi bagaimana kesan (effective) rancangan ini akan dapat dijalankan apabila kita bersetuju melancarkan-kannya kelak.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama yang saya dan pekebun-pekebun kecil kasih itu, tadi beliau telah mengatakan bahawa Singapura itu telah diiktiraf oleh negara-negara pengeluar getah sebagai negara pengeluar getah juga. Sekarang, saya ingin tahu bahawa adakah Kerajaan sedar ada saudagar-saudagar getah di Singapura tidak dapat menyempurnakan kehendak-kehendak Kerajaan, bahkan mereka juga yang mensabotajkan usaha-usaha Kerajaan ini. Jadi, dengan keadaan ini apa usaha kelima-lima buah negara ini untuk mengatasi masalah saudagar-saudagar getah di Singapura itu. Saya contohkan Tuan Yang di-Pertua. Saudagar getah di Singapura mereka boleh membeli getah dengan tunai dan membayar wang kepada penjual-penjual getah di Malaysia, tetapi saudagar getah di Malaysia ini hendak hutang sampai dua tiga minggu. Ini satu perkara yang saya fikir patut difikirkan oleh Kerajaan. Kerajaan Singapura memang bagus, tetapi saudagar

getah di Singapura itu yang selalu mematahkan usaha kita.

Datuk Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini tidak ada apa-apa bukti pun yang menunjukkan bahawa saudagar-saudagar penjual getah di Singapura itu mensabotaj sekim kita. Kalau Ahli Yang Berhormat ada mempunyai nama-nama saudagar yang tepat, saya ingin mengambil catetan nama-nama ini dan menyampaikan kepada Kerajaan Singapura, oleh sebab Kerajaan Singapura tentulah ada kuasa untuk mengawasi aktiviti-aktiviti saudagar-saudagar ini. Jadi, soal berkenaan dengan membeli samada dengan tunai atau hutang itu, saya fikir sebenarnya tidak dengan sendirinya membuktikan bahawa seseorang saudagar itu mensabotaj kedudukan harga pada keseluruhannya.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya masih ingat pada tahun yang lalu. Tahun yang lalu di Parlimen ada menyatakan pusat untuk perniagaan getah adalah di Kuala Lumpur. Ada kenyataan-kenyataan itu. Hari ini saya dengar pula daripada Yang Berhormat Menteri iaitu tidak boleh di Kuala Lumpur, Singapur adalah yang penting sekali di dunia ini untuk perniagaan getah yang hanya mempunyai tiga batang pokok getah sahaja. Tumbuh di Singapura. Jadi saya berasa pelek. Bolehkah sekiranya terjadi apa-apa hal di antara kita dengan Singapura kalau tidak ada Singapura, Kuala Lumpur tidak boleh menjalankan perniagaan getahnya. Betul atau tidak tahun yang lalu kita telah menetapkan pasaran getah dunia pusatnya adalah di Kuala Lumpur. Apa sebabnya hendak beralih-alih.

Datuk Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab izin saya menyatakan bahawa Ahli Yang Berhormat ini has put words into my mouth. Sebab saya tidak kata Kuala Lumpur sahaja menjadi pusat penjualan getah. Kalau kita kaji soal pasaran getah di seluruh dunia keadaan sekarang ialah bahawa ada satu dua pusat getah yang penting sekali. Oleh sebab telah beberapa puluh tahun pasaran getah ini keadaannya telah wujud di dalam dunia ini, ada satu dua pusat-pusat yang terpenting dan bezanya di antara dahulu dengan sekarang ialah bahawa kalau dahulu tidak ada langsung aktiviti pemasaran yang dijalankan di Kuala Lumpur, sekarang aktiviti pemasaran ini semenjak

penubuhan M.R.E.L.B. itu telah dapat dimulakan dan sedang berjalan dengan pesat dan cergas. Oleh sebab pemasaran getah asli di dunia ini akan tetap berkembang di dalam beberapa tahun yang akan datang, maka pusat-pusat pemasaran ini akan tetap penting dan saya berpendapat bahawa pusat-pusat yang penting pada jangka masa yang panjang nanti ialah yang pertama Kuala Lumpur, London, Singapura, New York, Hamburg, Jakarta dan Bangkok. Ini misalan sahaja dan bukan tetap. Ini bukan yang akan tetap terjadi, tetapi saya cuma memberi gambaran sahaja kemungkinan berlaku pada keseluruhannya. Jadi tidak akan dapat terjadi dan mustahil sebagai practical reality bahawa Kuala Lumpur sahaja akan menjadi pusat pasaran, malah keseluruhan tempat. Yang menjadi soalnya ialah soal mana yang lebih penting. Saya menyatakan bahawa di dalam kawasan Tenggara Asia ini Singapura masih pada masa ini dan akan tetap pada masa-masa yang akan datang di dalam jangka masa yang tidak dapat dipastikan masih menjadi satu daripada pusat yang penting sebagai pasaran getah asli.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan itu telah terang dan saya sudah terang bersuluh lagi. Jadi terima kasih.

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Tuan Yang di-Pertua, daripada jawapan Yang Berhormat Menteri, adakah Kerajaan bersetuju pada waktu ini pasaran Singapura-lah menguasai pemasaran kita.

Datuk Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, tidak.

PUSAT TEKNIK PERTAHANAN—PERBELANJAAN

6. **Datuk Syed Kechik bin Syed Mohamed** minta Menteri Pertahanan menyatakan jumlah perbelanjaan yang diuntukkan bagi Pusat Teknik Pertahanan dari segi Pertahanan Sains dan Teknik tiap-tiap tahun bagi lima tahun yang lalu dan samada jumlah ini akan ditambah atau dikurangkan pada tahun-tahun yang akan datang.

Timbalan Menteri Pertahanan (Datuk Haji Dzulkifli bin Datuk Haji Abdul Hamid): Tuan Yang di-Pertua, jumlah perbelanjaan

yang diuntukkan bagi Pusat Teknik Pertahanan oleh Kerajaan setiap tahun bagi lima tahun yang lalu adalah seperti berikut:

Tahun				Jumlah Perbelanjaan diperuntukkan
1970	MS\$489,594.00
1971	MS\$502,016.00
1972	MS\$558,632.00
1973	MS\$525,900.00
1974	MS\$788,400.00

Selain daripada peruntukan ini Pusat itu juga telah menerima di bawah Rancangan Bantuan Pertahanan Australia bantuan seperti berikut:

1970	\$ 48,000
1971	\$ 30,000
1972	\$ 66,000
1973	\$ 39,000
1974	\$1,022,640

Jumlah peruntukan itu kian bertambah dari tahun ke setahun dan adalah dijangka Anggaran Perbelanjaan bagi Pusat ini pada tahun 1980 akan meningkat 5 kali ganda dari anggaran perbelanjaan tahun 1974.

Puan Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, adakah Kerajaan mengawasi dengan teliti bentuk strategi latihan bagi angkatan tentera kita, terutama pegawai-pegawainya di luar negeri supaya tidak timbul kemudian hari kelak unsur-unsur yang mungkin menjadi masalah kepada keselamatan negara.

Datuk Haji Dzulkifli bin Datuk Haji Abdul Hamid: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya ada mengawasi.

BEKAS ANGGOTA TENTERA—BANTUAN

7. **Datuk Syed Kechik bin Syed Mohamed** minta Menteri Pertahanan menyatakan bilangan bekas ahli tentera masing-masing dari tentera darat, laut dan udara sekarang dan jenis bantuan yang diberikan kepada mereka dan jumlah wang yang dibelanjakan oleh Kerajaan dalam perkara ini.

Datuk Haji Dzulkifli bin Datuk Haji Abdul Hamid: Tuan Yang di-Pertua,

bilangan bekas anggota tentera sekarang ialah:

	<i>Pegawai</i>	<i>Lain-lain Pangkat</i>	<i>Jumlah</i>
Tentera Darat	403	12,887	13,290
Tentera Laut	40	484	524
Tentera Udara	55	359	414
Jumlah besar semuanya ialah			14,228

Dan jenis bantuan adalah diberi kepada mereka:

- (i) Bantuan kewangan seperti pencen atau ganjaran, dan
- (ii) Bantuan untuk membolehkan mereka diserap dalam penghidupan awam.

Pencen adalah dibayar kepada anggota-anggota tentera yang telah tamat perkhidmatan selama 21 tahun dan pegawai-pegawai yang telah berkhidmat sehingga sampai umur persaraan. Mereka yang tidak mempunyai kelayakan perkhidmatan yang cukup untuk mendapat pencen adalah dibayar ganjaran atau gratuity. Lebih dari \$5 juta adalah dibelanjakan tiap-tiap tahun untuk membayar pencen dan ganjaran bekas anggota tentera kita.

Tentang bantuan jenis yang kedua pula bermacam-macam langkah telah diambil oleh Kerajaan. Langkah-langkah itu di antara lain adalah:

- (i) Beberapa jawatan tertentu dalam jabatan-jabatan Kerajaan dan separa kerajaan dikhaskan untuk dipenuhi kesemuanya atau sebahagiannya dengan bekas-bekas perajurit. Misalnya, ahli bomba, atendan hospital, derebar, pengawal keselamatan, penunggu (caretaker), penjaga hutan dan wader penjara.
- (ii) Mereka yang akan tamat perkhidmatan adalah diberi latihan peralihan di dalam pelbagai kemahiran. Latihan ini termasuk latihan vokesyenal dan teknikal; latihan pertanian dan penternakan; latihan perniagaan, latihan penyesuaian sambil bekerja dan rancangan tanah. Sebagai langkah sementara mereka diberi latihan-latihan ini di Jabatan-jabatan Kerajaan, Badan-badan Berkanun dan pihak swasta. Kerajaan ada rancangan untuk menubuhkan satu Pusat Latihan Kemahiran khas bagi bakal bekas anggota tentera.

(iii) Bekas-bekas tentera adalah diberi pertimbangan yang agak istimewa mendapatkan lesen-lesen teksi, gerai-gerai dan lain-lain.

(iv) Dalam rancangan tanah pula, 20% daripada tempat-tempat di Rancangan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan adalah dikhaskan untuk bekas-bekas perajurit dan di Sungai Koyan, Pahang satu kawasan seluas 4,000 ekar telah dibuka untuk rancangan tanah khas bagi bekas-bekas perajurit.

(v) Akhir sekali, dewasa ini Kerajaan telah membuka pejabat-pejabat wilayah bagi menolong Bahagian Hal Ehwal Bekas Perajurit, Kementerian Pertahanan menjalankan tugas mencari pekerjaan kepada bekas-bekas perajurit dengan lebih sempurna.

Dengan penerangan ini saya harap jelaslah kepada Ahli Yang Berhormat bahawa Kerajaan tidak melupakan bekas-bekas perajurit kita.

Tentang jumlah wang yang dibelanjakan oleh Kerajaan dalam perkara ini saya tidaklah dapat menganggarkannya kerana bantuan dan pertolongan yang diberikan tidaklah kesemuanya berupa bantuan kewangan; lagi-pun bantuan-bantuan yang diberikan adalah dibuat melalui beberapa Kementerian/Jabatan-jabatan Kerajaan dan Badan-badan Berkanun.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan baru sebentar tadi telah menyatakan jumlah bekas ahli-ahli tentera kita, saya cuma ingin membuat soalan tambahan adakah mereka itu akan dikerah semula berkhidmat sekiranya negara kita ini menghadapi kecemasan atau dharurat?

Datuk Haji Dzulkifli bin Datuk Haji Abdul Hamid: Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat jika dikehendaki untuk keselamatan pertahanan negara dan rakyat kita, mereka itu akan dikehendaki berkhidmat semula.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan. Baru-baru ini saya baca dalam suratkhbar iaitu barangkali Yang Berhormat Menteri ada mengikuti iaitu tanah-tanah yang diminta oleh bekas pasukan keselamatan menimbulkan perbalahan di antara

Kerajaan Negeri Perak dengan bekas-bekas Pasukan Keselamatan. Betul atau tidak berlaku perkara itu?

Datuk Haji Dzulkifli bin Datuk Haji Abdul Hamid: Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara ini saya minta notis.

Datuk Haji Abdul Razak bin Hussin: Untuk mengenang jasa bekas perajurit kita di samping membantu kehidupannya, bolehkah Kerajaan menimbang had bersara daripada 21 tahun itu diturunkan kepada 18 tahun, sedangkan jawatan-jawatan lain dalam perkhidmatan Kerajaan apabila sampai 12 tahun boleh dimasukkan dalam perkhidmatan berpencen?

Datuk Haji Dzulkifli bin Datuk Haji Abdul Hamid: Tuan Yang di-Pertua, saya minta ulang lagi sekali soalan itu.

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Saya suka hendak dapat tahu daripada Menteri yang berkenaan adakah Kerajaan bercadang hendak menurunkan had umur persaraan daripada 21 tahun kepada 18 tahun, kerana ini adalah satu jalan membantu mereka itu. Pada masa sekarang ini tentera-tentera kita yang telah berkhidmat selama 21 tahun sahaja baru boleh dimasukkan dalam persaraan. Bolehkah Kerajaan menimbang supaya diturunkan kepada 18 tahun sebagaimana tindakan Kerajaan hari ini dalam perkhidmatan lain bila masuk 12 tahun seseorang boleh dimasukkan dalam jawatan persaraan. Adakah Kerajaan bercadang menimbang langkah yang demikian supaya dapat menolong bekas-bekas tentera kita.

Datuk Haji Dzulkifli bin Datuk Hj. Abdul Hamid: Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini tidak ada rancangan Kerajaan untuk menurunkan masa perkhidmatan 21 tahun kepada 18 tahun.

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Soalan tambahan. Saya bersetuju dengan jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri dan setahu saya pun juga tidak ada. Pada hari ini berkhidmat 21 tahun baharu masuk dalam persaraan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi jaminan kepada Dewan inj akan menyampaikan perkara ini kepada Menteri yang berkenaan dan juga kepada Jemaah Menteri Kerajaan kita.

Datuk Haji Dzulkifli bin Datuk Haji Abdul Hamid: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini saya akan ambil perhatian dan akan diambil pertimbangan.

Puan Dasimah Dasir: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawasanya jawapan tadi mengenai perajurit-perajurit yang telah berhenti dibahagi-bahagikan teksi dan lori untuk kesenangan mereka, tetapi setahu saya ramai perajurit-perajurit yang telah berhenti tidak mendapat apa-apa pun. Saya berharap hendaklah Kementerian Pertahanan siasat betul-betul dimanakah tempat yang ada diberi teksi-teksi itu.

Datuk Haji Dzulkifli bin Datuk Haji Abdul Hamid: Tuan Yang di-Pertua, tugas Kementerian Pertahanan dalam mendapatkan lesen-lesen teksi ini adalah hanya memberikan sokongan (recommendation) kepada bekas-bekas perajurit yang inginkan hendak mendapat lesen-lesen teksi ini. Bekas-bekas perajurit yang ingin mendapatkan lesen teksi ini selalunya datang ke Kementerian saya untuk mendapatkan sokongan, dan bagi pihak Kementerian saya selalunya memberi sokongan (recommendation) yang sekuat-kuatnya untuk membolehkan mereka itu mendapatkan lesen yang diminta.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan yang ditangguhkan atas masaalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". (9hb Januari, 1975).

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Perbahasan disambung semula.

3.33 ptg.

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Tuan Yang di-Pertua, menyambung ucapan saya pada petang semalam, saya suka melanjutkan sedikit pandangan saya kepada masaalah Rang Undang-undang ini.

Pada masa sekarang ini dengan pindaan yang ada ini membolehkan Lembaga ini

membeli syer selain daripada meminjamkan wangnya kepada pihak-pihak yang berkenaan. Saya sukacita mengesyorkan kepada Kerajaan supaya wang E.P.F. ini kita permodalkan untuk membuka sebuah bank. Pada hari ini tugas E.P.F. meminjamkan kepada Kerajaan dan juga lain-lain badan. Beribu juta ringgit yang ada dalam simpanan E.P.F. sekarang ini dan berjuta ringgit pendapatan yang dikutip pada tiap-tiap tahun, akan tetapi E.P.F. atau Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ini hanya membeli bond Kerajaan yang mendapat faedah tidak begitu lebih. Walaupun berkhidmat kepada negara, perbuatan yang dilakukan itu sangat baik, tetapi amalan ini boleh dilakukan juga, tetapi hendaklah kita memikirkan keadaan kewangan ini supaya dapat melebarkan lebih-lebih lagi. Saya fikir Ordinan ini patut kita pinda membolehkan wang E.P.F. itu dijadikan modal bank. Dengan adanya bank berjalan sebagai Bank Perniagaan yang modalnya daripada E.P.F. ini, keuntungan itu boleh kita beri balik kepada pencarum-pencarum E.P.F. itu sendiri.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya suka menarik perhatian Yang Berhormat Menteri, E.P.F. boleh bergerak lebih jauh, umpamanya, membuka estet perumahan daripada duit caruman itu memberi kepada pekerja-pekerja yang berkehendakkan rumah. Jadi, kita harus membesarkan tenaga E.P.F. itu sendiri, janganlah hendaknya Lembaga ini menjadi sebagai satu badan yang mengawal kewangan itu supaya jangan kehilangan atau kebocoran di sana sini. Apa yang saya maksudkan, Pengarah atau Lembaga ini akan menjadikan E.P.F. ini sebahagian daripada menyahut pembangunan negara kita. Pada hari ini pekerja-pekerja kita masih kekurangan rumah-rumah, apa salahnya dengan wang E.P.F. itu sendiri dibangunkan estet perumahan? Banyak tanah-tanah di Kuala Lumpur ini yang patut kita beli dan kita sendiri membiayai rumah-rumah itu.

Selain daripada perkara yang saya bangkitkan tadi kita boleh mengambil contoh, Tuan Yang di-Pertua, penubuhan Bank Bumiputra cuma dengan modal \$10 juta sahaja, tetapi pada hari ini Bank Bumiputra sudah menjadi sebagai bank yang tegap di dalam negara kita, sedangkan E.P.F. sendiri sekarang ini, saya minta maaf dan jikalau saya silap tolong betulkan, daripada pandangan jauh beribu juta wang yang telah disimpan di

dalam E.P.F. sekarang. Dengan wang itulah yang saya maksudkan kita tubuhkan bank, kita pinda Undang-undang yang ada ini, kita dapatkan peruntukan yang baru dan kita buka estet perumahan dengan tujuan mengambil balik pekerja-pekerja, disamping itu faedah daripada bank itu tadi boleh menambah faedah yang diberi kepada pencaruman.

Kita berharap pada satu masa yang akan datang bukan 6.6% sahaja caruman yang dapat diberi atau diterima oleh penyimpan wang E.P.F. itu, tetapi pada masa akan datang kalau wangnya dijadikan modal bank atau estet perumahan yang boleh membantu diri mereka sendiri dan juga negaranya.

Saya berharap dengan lulusnya Bil ini satu pandangan yang baru patut akan timbul dan saya harap sebagai bekas Pengerusi E.P.F. ini sendiri yang sekarang ini bertanggungjawab sebagai seorang Timbalan Menteri tentulah saya fikir pengalaman yang ada itu boleh membantu kita. Sekian.

3.38 ptg.

Tuan Haji Ibrahim bin Haji Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Bil ini dan memberitahu Kerajaan bahawa saya sangat berpuas hati atas perjalanan Pejabat ini, akan tetapi saya merayu tiga perkara.

Yang pertama, pekerja-pekerja bumiputra khususnya pegawai-pegawai tinggi sangat-sangat kurang orang-orang bumiputra dan saya berharap akan diambil tindakan dengan segera supaya biar seimbang kedudukannya.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya merayu kepada Kerajaan supaya faedah yang ada sekarang dinaikkan lagi sekurang-kurang 8% kerana ini patut, sebab wang yang disimpan di situ dipinjamkan. Saya percaya pada masa ini faedahnya sekurang-kurangnya 12% dibayar oleh peminjam itu.

Yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, saya minta kepada Kerajaan supaya melonggarkan peraturan E.P.F. supaya membolehkan orang-orang yang tidak mahu bekerja lagi, kerana saya tahu ramai juga dari kakitangan-kakitangan Kerajaan berasa bosan bekerja, kerana pangkat tak naik, jadi mereka fikir berniaga adalah lebih baik. Jikalau ada kakitangan Kerajaan atau sesiapa juga yang menyimpan wang yang hendak berhenti kerja untuk berniaga, saya

merayu supaya wang simpanannya dipulangkan balik. Begitu juga seseorang itu sudah fed up bekerja, beliau hendak balik ke kampungnya dan hendak menjadi orang tani (farmers). Perkara ini saya minta kepada Kerajaan supaya wang simpanannya dipulangkan. Kita mahu orang-orang yang menyimpan wang di E.P.F. ini tidak terikat, iaitu sesiapa yang hendak berhenti kerja kerana fed up atau bertujuan hendak berniaga atau hendak balik ke kampungnya menjadi orang tani, pulangkanlah segala wangnya.

Tuan Yang di-Pertua, inilah tiga perkara yang saya merayu kepada Kerajaan supaya ditimbangkan.

3.40 ptg.

Tuan Haji Abdul Rahim bin Manan: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Bill yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, saya cuma hendak bercakap satu perkara sahaja. Perkara ini sudah saya bangkitkan di dalam Dewan ini pertengahan tahun 1974 yang lalu, iaitu seorang daripada pencarum bilangan Ahli 2346033;—tolong ambil catitan—sehingga hari ini pengaduannya itu belum dapat layanan. Pada awal bulan Januari satu surat diberi kepada pencarum ini yang mengatakan: “Siasatan sedang dijalankan di atas pengaduan yang tuan buat”. Hari ini sudah 10hb Januari, 1975 bererti lebih satu tahun. Jadi, perkara ini timbul saya sebagai orang parti yang mendokong Kerajaan selalu mendengar orang bercakap “Inilah dia Kerajaan”. Jadi perbuatan ini tidak dikehendaki oleh Kerajaan, perkara ini sedikit benar, kerana kecurangan sebuah syarikat yang memotong E.P.F. kepada pencarum ini kemudian wang ini tidak diserahkan kepada E.P.F. Setelah pencarum ini menulis surat, surat jawapan yang akhir diterima sebagaimana saya nyatakan tadi 7hb Januari, 1974 mengatakan: “Dalam siasatan”. Jadi perkara ini sudah diterangkan nama majikannya, haribulannya mereka tidak potong ada rekod-rekodnya semua, Pejabat E.P.F. pun ada rekodnya, tetapi sudah satu tahun perkara ini didiamkan begini sahaja. Saya harap Menteri yang berkenaan tolonglah tengok-tengokkan anak buah kita yang ada di dalam E.P.F. itu. Sekian, saya menyokong Bill ini.

3.42 ptg.

Dr Lim Ah Sitt: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Akta Kumpulanwang Simpanan Pekerja (Pindaan), 1974 yang sedang dibahaskan.

Di samping itu saya suka memberi sedikit pandangan berkenaan dengan satu-satu aspek berkaitan dengan kesukaran dan kerumitan bagi pemohon iaitu pesakit-pesakit atas permohonan untuk mengeluarkan wang simpanannya bila sakit teruk atau lanjut dan terus-menerus iaitu chronic.

Di sini, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin berucap dalam bahasa Inggeris untuk menerangkan lebih lanjut atas perkara ini.

(*Dengan izin*) Mr President, Sir, I refer to the rather strict rulings applied to the members of the E.P.F. or to the applicants who apply for withdrawals of the contributions from the E.P.F. by virtue of the fact that they are chronically ill, though not totally incapacitated—they still can work but they are probably “laid down” or always fall ill but not seriously ill enough to be certified “unfit for work”. Now there is a category of people suffering for example from illnesses like chronic asthma, whereby the patient is well and good for a few days and then is sick again for a few days, on and off, and diseases like chronic bronchitis, bronchiectasis and so on. Such people, because of the chronic nature of their diseases, are partially, though not totally, incapacitated from doing their work fully; and so they require urgent financial help for their medical treatment. I am sorry to say that when such a category of people apply for the withdrawal of their contributions from the E.P.F. they are not sympathetically considered and their applications are generally rejected by the Medical Board set up by the E.P.F. Authorities, although they are certified by other doctors, the general practitioners, who have been treating them, that they have been suffering from certain diseases for years. I myself, being a medical practitioner for over 25 years, have had the sad experience of sending a number of cases with my recommendations and testification in order to help these poor sufferers; but, alas, to my great dismay and disappointment, they have been rejected.

Mr President, Sir, I plead to our Honourable Minister concerned to do justice and, on humanitarian grounds, to consider seriously

relaxing the laws on the requisite conditions for withdrawals of contributions from the E.P.F., so as to remedy this unfair and sad state of affairs. After all, the main purpose, for which the E.P.F. was set up, is to safeguard and protect the interest and welfare of the workers when they grow old, when they are ill and disabled and not to deny them the right to withdraw their contributions from the Fund (which, in effect, are their compulsory savings) when they are urgently in need of them in order to help them to allay their sufferings.

Sekianlah pandangan saya di atas Bil ini, dan dengan ini saya mengucap sekali lagi iaitu saya sokong sepenuhnya Bil ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya perhatikan ada beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat Senator membangkitkan hal-hal yang tidak kena-mengena dengan tujuan Bill yang dibahaskan ini.

3.48 ptg.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak hendak bercakap panjang, cuma ada satu perkara sahaja saya cari dalam Bil ini tidak dapat, tetapi kes itu berlaku. Saya hendak menarik perhatian Kerajaan iaitu di dalam E.P.F. ini majikan kena memberi separuh daripada sumbangan iaitu kalau buruh atau pekerja itu kena empat ringgit maka majikan pun empat ringgit. Berlaku pada satu masa seorang majikan dan dia juga employee dan pangkatnya itu Registrar. Tiba-tiba dia tidak masukkan sumbangannya. Jadi, caruman pekerja pun tidak masuk, daripada pihak majikan pun tidak masuk. Apabila pihak E.P.F. mengambil tindakan didapati nama orang yang terzalim sebab tidak diberi sumbangan itu sama dengan orang yang bertanggungjawab tidak memotong itu, dan orang itu (the same person). Kalau pergi ke Mahkamah, kalau tidak dibetulkan undang-undang itu apa kata kalau pegawai yang kena tuduh itu minta Mahkamah tunjukkan siapa dia yang kena zalim. Misalnya saya bekerja sebagai kerani, kemudian saya berpindah pergi ke satu jawatan Setiausaha. Saya tidak potong \$10 daripada pekerja dan saya tidak memotong daripada kompeni saya. Tiba-tiba kompeni itu kena tindakan dan saya dibawa ke Mahkamah dan saya bertanya di Mahkamah, "Siapa dia orang yang saya tidak

potong itu?" Bagaimana, Tuan Yang di-Pertua, kita hendak buat? Takkan dia hendak pergi duduk ke dalam kotak di sana. Ini sudah berlaku dua tiga kali. Adakah E.P.F. sedar yang perkara ini ada berlaku begitu dan kalau sedar, apakah tindakan yang dibuat supaya tidak bergaduh dalam Mahkamah?

3.52 ptg.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai cadangan-cadangan untuk meminda beberapa peruntukan di dalam Akta ini dan saya juga ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyokong pindaan-pindaan tersebut khasnya berkenaan keahlian Lembaga.

Yang Berhormat Senator Raja Nong Chik telah menyentuh tentang kuasa-kuasa Lembaga membeli saham-saham syarikat-syarikat yang dikenali sebagai "Syarikat-syarikat yang diluluskan" (approved companies) dan beliau juga khuatir oleh kerana barangkali Lembaga ini akan meminjamkan wang kepada syarikat-syarikat yang tidak diingini. Sukacita saya menerangkan di sini bahawa kuasa untuk Lembaga melaburkan wang adalah terhad, oleh kerana adanya peruntukan di dalam Seksyen 4 (2) dalam Akta tersebut di mana Lembaga tidak boleh melabur di dalam mana-mana syarikat sahaja jika syarat-syarat yang disebutkan di dalam seksyen ini tidak dipatuhi. Di antara syarat-syarat tersebut ialah "approved company" mestilah mempunyai modal dibayar (paid-up capital) tidak kurang daripada \$5 juta dan syarikat tersebut telah membayar dividen tidak kurang daripada 5% di dalam masa tiga tahun yang kebelakangan dari tarikh pinjaman diberi kepada syarikat tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, kes yang tertentu yang disebutkan oleh Yang Berhormat Raja Nong Chik telah terjadi dalam tahun 1960 dan ini bukanlah di bawah pinjaman kepada "approved company". Ini adalah pelaburan. Mengikut Seksyen 4 (1) (c), Trustee Ordinance, 1949. Walau bagaimanapun sukacita juga saya menerangkan di sini bahawa Kerajaan telahpun mengambil satu keputusan pada dasarnya bahawa Lembaga ini tidak boleh memberi pinjaman lagi kepada

syarikat-syarikat swasta atau sektor swasta. Adalah juga menjadi amalan dalam masa dua tiga tahun kebelakangan ini Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja tidak lagi memberi pinjaman kepada mana-mana syarikat swasta atau sektor swasta.

Ingin saya mengingatkan di sini juga bahawa ada juga terdapat peruntukan di dalam Seksyen 4 (2) bahawa Lembaga ini mesti menanam modal tidak kurang daripada 70% dari Kumpulanwangnya di dalam Jaminan-jaminan Kerajaan (Government Securities) di dalam setahun. Dengan adanya peruntukan-peruntukan tersebut di dalam Akta ini dan kesedaran-kesederan Lembaga bahawa mereka tidak boleh melabur di dalam pelaburan yang mana riskonya tinggi dan berbentuk spekulasi. Saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat tidaklah lagi ragu-ragu atas perkara ini.

Yang Berhormat Datuk Abdul Razak Hussin telah membangkitkan soal berkaitan dengan kadar faedah kepada pencaurum-pencarum dan sukacita juga saya menerangkan di sini bahawa Lembaga sentiasa sedar bahawa pencaurum-pencarum patut mendapat satu kadar pulangan yang tinggi, tetapi saya ingin menarik perhatian juga kepada satu peruntukan di mana Lembaga tersebut mesti menimbangkan syor-syor daripada actuary Kerajaan sebelum mereka isytiharkan faedah pada tiap-tiap tahun. Juga perlu diingatkan bahawa interest yang diberi oleh Lembaga adalah terkecuali daripada cukai pendapatan. Jika cukai ini diambil kira interest 6% yang diberi oleh Lembaga adalah bersamaan dengan interest 9.22%.

Berkaitan dengan soal samada pencaurum-pencarum boleh meminjam wang ataupun mendapat balik wang simpanan sebelum mereka mencapai umur 50 tahun untuk membina ataupun membeli rumah kediaman persendirian. Inipun telah dibuat kajian oleh Lembaga dan juga oleh Kerajaan. Kerajaan berpendapat bahawa tujuan utama Kumpulanwang ini ialah untuk kegunaan pencaurum-pencarum selepas mereka bersara ataupun dalam masa tua. Jika kiranya wang ini dikeluarkan kepada pencaurum-pencarum sebelum umur persaraan, iaitu 55 tahun bermaknalah tujuan utama yang saya katakan tadi tidak akan tercapai. Pengeluaran 1/3 daripada jumlah caruman pada umur 50 tahun seperti yang diamalkan sekarang ada-

lah satu kemudahan yang diberi kepada pencaurum-pencarum untuk menyediakan mereka apabila mereka bersara pada umur 55 tahun.

Yang Berhormat Senator Ibrahim bin Haji Yaacob juga membangkitkan perkara masaalah berkaitan dengan pegawai-pegawai bumiputra di dalam Lembaga ini. Berkenaan dengan masaalah kekurangan kakitangan bumiputra, Kerajaan sedar tentang hal ini dan langkah-langkah yang tertentu telah dan sedang diambil untuk membetulkan keadaan ini.

Sukacita saya lapurkan, iaitu perangkaan kakitangan mengikut keturunan pada 31hb Disember, 1974 adalah seperti berikut:

<i>Perkhidmatan Tertinggi (Senior Service)</i>			
Bumiputra	14 orang
China	23 ..
India	8 ..
Lain-lain	1 ..
			—
Jumlah	46 orang
			—

Senator Haji Ibrahim juga meminta supaya Kerajaan melonggarkan syarat-syarat supaya pencaurum-pencarum boleh mendapatkan balik kreditnya jika sekiranya mereka bosan hendak bekerja lagi, tetapi seperti mana yang telah saya terangkan tadi, tujuan Kumpulanwang ini ialah supaya memberi sedikit-sebanyak kredit kepada pencaurum-pencarum apabila mereka bersara.

Yang Berhormat Tuan Abdul Rahim bin Abdul Manan telah menyebutkan satu kes yang tertentu. Kes ini saya telah mengambil perhatian dan akan membuat siasatan. Saya dukacita tidak dapat peluang memberikan jawapan yang tertentu atas kes itu setakat ini.

Yang Berhormat Dr Lim Ah Sitt telah menimbulkan masaalah berkenaan dengan pesakit-pesakit yang barangkali boleh dikatakan chronic. Pihak Lembaga memang sedar bahawa ada kes-kes yang tertentu dimana doktor-doktor yang berkenaan menyatakan bahawa pencaurum-pencarum itu adalah sakit dan oleh kerana ini boleh menimbulkan satu kekeliruan dalam soal medical ethic.

Izinkanlah saya berucap di dalam bahasa Inggeris.

(*Dengan izin*) The Board, Sir, is aware, and so also is my Ministry, of some of the difficulties and hardships faced by contributors to the Fund when they are reported to be ill and to be unable, in the view of their own medical practitioners, to continue in employment. In order that the views of the medical practitioners concerned are given every due consideration, the Board, by virtue of the Rules that are made under the Act, has a panel of doctors which in cases of doubt, will re-examine the contributors concerned. There are occasions, of course, when the views of the medical practitioner concerned and that of the Medical Board differ because I expect that, as in any other profession, views can differ. But I can assure this House, Sir, that the Board is always sympathetic towards such cases because there is always a bias really in favour of those cases which are declared by the medical officers concerned to be cases where the withdrawal of credits is justified. But I have mentioned just now about the question of medical ethics, Sir. Honourable Senator Dr Lim Ah Sitt as a medical practitioner of long experience, will know that sometimes one view of a doctor is contradicted by the view of another, and the Board finds itself in a difficult position in such circumstances. But, if there are specific cases, Sir, which the Honourable Member would wish to bring to the attention of the Board, I would be happy to look into these cases.

Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar Hamzah juga telah membangkitkan satu masalah, tetapi dukacita saya kurang faham apakah masalah yang telah dibangkitkannya itu. Jikalau Ahli Yang Berhormat sudi memberitahu kepada saya kes-kes yang tertentu, saya akan menyiasat dan jikalau ada masalah, saya boleh mengemukakan masalah ini kepada Lembaga supaya masalah itu boleh diatasi.

Saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan-pandangan yang lain atas perkara ini dan segala pandangan-pandangan itu saya akan mengambil perhatian.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempergunakan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 8—

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, Fasal 2, iaitu nas Undang-undang ini dalam bahasa Inggeris yang dibuat pada tahun 1951. Saya suka mendapat penjelasan daripada pihak Kerajaan di bawah Fasal 2 (1) (a) yang berbunyi:

“The Chairman who shall be the Secretary General of the Treasury”.

Tuan Pengerusi, ini boleh jadi format ataupun satu cara atau bentuk ayat (construction of sentence) dalam bahasa Inggeris membuat undang-undang, tetapi sebagai layman ahli biasa dalam Dewan ini pun tentulah berhak juga mendapat penjelasan. Saya mencadangkan supaya ditambah, kalau dalam nahu bahasa Melayunya iaitu:

“The Chairman who shall be the person who is the Secretary General” tidak seperti construction of sentence yang ada, ini disupport atau disokong oleh sub-section yang lain iaitu (b) (ii) “three shall be persons who are employers” dan yang (iii) “three shall be persons who are employees”.

Jikalau sekiranya construction yang pertama tadi sudah valid dan patut begitu, mengapa di dalam section itu juga construction of sentence itu diubah? Ini lebih terang daripada construction yang pertama. Dan ini juga disokong di bawah Fasal 2 (b) (a) yang mendahulukan orang itu iaitu:

“The Chairman of the Employees Provident Fund Board shall be the Chairman.”

Jadi, bagaimana yang di atas itu boleh jadi begitu? Saya percaya Timbalan Menteri Undang-undang pun boleh memberi fatwa kepada kita.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Pengerusi, oleh kerana Yang Berhormat hendak membuat pindaan atas Rang Undang-undang ini, saya rasa beliau sepatutnya memberi notis.

Tuan Pengerusi: Tidak, beliau bukan membuat pindaan.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Saya tidak buat pindaan. Kalau hendak buat

pindaan tentulah saya memberi notis mengikut Peraturan Mesyuarat. Saya minta penjelasan mengapa construction itu dibuat begitu sedangkan dalam section lain ada dua construction berlainan. Ini saya minta dipertanggungjawabkan supaya jangan keliru.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat itu minta penjelasan di atas susunan perkataan.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Pengerusi, pada fikiran saya tidak ada menjadi masalah susunan perkataan di dalam section ini.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, perkara ini bukan menjadi masalah atau tidak menjadi masalah. Apa yang saya minta ialah fatwa mengatakan tentang construction of sentence itu betul. Soal ini bukan boleh dijawab begitu sahaja. Apa yang saya mahu ialah "yes" atau "tidak" sahaja.

Datuk Athi Nahappan: Tuan Pengerusi, pada pandangan saya perkataan-perkataan di dalam peruntukan itu adalah jelas, dan tidak bertentangan dengan perkara yang lain dan tidak memberi kekeliruan.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat itu minta penjelasan samada betul atau tidak susunan perkataan itu. Itu sahaja yang ditanyanya.

Datuk Athi Nahappan: Saya telah jawab bahawa perkataan itu adalah jelas.

Tuan Pengerusi: "Betulkah" atau "tidak", bukan "jelas" (*Ketawa*).

Datuk Athi Nahappan: Soal betul, tidak timbul tetapi jelas atau tidak. Perkara ini jelas.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, what I am trying to understand is whether this construction is correct.

Tuan Pengerusi: Betul atau tidak?

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Pengerusi, untuk rekod, saya katakan betul.

Tuan Pengerusi: Terima kasih.

Fasal 1 hingga 8 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG BANK PEMBANGUNAN ISLAM

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.10 ptg.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa suatu "Akta untuk menguatkuasakan suatu Perjanjian antarabangsa mengenai penubuhan dan pengendalian Bank Pembangunan Islam dan untuk membolehkan Persekutuan menjadi anggotanya dan untuk membuat peruntukan-peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya" dibaca bagi kali yang kedua.

Rang Undang-undang ini bertujuan untuk membolehkan Persekutuan mengesahkan Perjanjian antarabangsa mengenai penubuhan dan pengendalian Bank Pembangunan Islam yang ditandatangani di Jeddah, Arab Saudi pada 12hb Ogos, 1974. Dengan pengesahan itu dan dengan mula berkuatkuasanya Perjanjian itu, maka Persekutuan akan menjadi anggota Bank Pembangunan Islam dan akan terikat untuk mematuhi tanggung-tanggung yang ditetapkan dalam Perjanjian itu. Oleh kerana setengah-setengah daripada tanggungan itu tidak boleh dilaksanakan melainkan dengan kuasa undang-undang diberi kepada Kerajaan Persekutuan, maka Rang Undang-undang itu adalah dikehendaki diluluskan.

Sebagai lanjutan kepada tujuan-tujuan di atas, Rang Undang-undang ini memberi kuasa kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk memberi taraf, imuniti-imuniti dan keistimewaan-keistimewaan kepada Bank, gabnor-gabornya, pengarah-pengarahnya, pegawai-pegawainya dan pekerja-pekerjanya. Rang Undang-undang ini juga memperuntukkan kuasa bagi Menteri Kewangan meripai kepada saham modal Bank dengan mengada dan mengeluarkan nota-nota yang tidak mengenakan bunga dan yang tak boleh niaga atau lain-lain tanggungan jika perlu, kepada Bank sebagai ganti membayar jumlah wang yang kena dibayar dalam matawang Malaysia. Rang Undang-undang juga mengadakan peruntukan supaya jumlah-jumlah

wang tertentu yang kena dibayar kepada Bank dipertanggungkan ke atas Kumpulan Wang Disatukan bagi Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, dari awal lagi, Malaysia telah memberi sokongan penuh dalam usaha menubuhkan Bank Pembangunan Islam dan semenjak Persidangan Islam yang berlangsung di Jeddah pada awal 1972 di mana satu ketetapan untuk mengadakan institusi ekonomi dan kewangan negara-negara Islam dipersetujui, Malaysia telahpun memberi perhatian berat. Berikutan dari mesyuarat Jawatankuasa "Exploratory" yang berlangsung pada bulan Julai 1973 di Jeddah pula, sebahagian besar kerja-kerja persediaan berhubung dengan deraf surat-surat akuan asal bagi penubuhan Bank disiapkan di Malaysia. Sepertimana yang Dewan ketahui, dalam Mesyuarat Menteri-menteri Kewangan Islam yang Pertama pada 15hb Disember, 1973, di Jeddah, satu Pengisytiharan Tujuan (Declaration of Intent) untuk menubuhkan Bank Pembangunan Islam telah ditandatangani oleh Yang Berhormat Tan Sri Mohamed Ghazali bin Haji Jawi, bekas Menteri Pertanian dan Perikanan Malaysia, bagi pihak Kerajaan Malaysia. Di mesyuarat itu, suatu Jawatankuasa Persediaan ditubuhkan dengan tugas menyediakan Piagam Bank dan Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-haj, Setiausaha Agung Pertama bagi Urusetia Persidangan Islam di Jeddah dipilih menjadi Pengerusinya. Sesungguhnya beliau adalah orang yang telah memainkan peranan penting dalam menjayakan projek ini. Sebagai menghormatinya dan di atas pimpinannya yang cemerlang dan usaha-usahanya yang gigih dalam mencapai cita-cita negara-negara Islam, beliau sewajarnya diberi ucapan tahniah dan sanjungan yang amat tinggi.

Sebahagian besar kerja-kerja Urusetia Jawatankuasa Persediaan yang bertempat di Kuala Lumpur dibuat di sini. Pegawai-pegawai Malaysia umpamanya, yang telahpun berkecimpung dalam kerja-kerja itu pada awalnya telah sekali lagi memberi perkhidmatan kepada Jawatankuasa Persediaan itu. Kerajaan Malaysia turut juga memberi kemudahan-kemudahan lain lagi melicinkan tugas-tugas Jawatankuasa tersebut. Dalam masa lima bulan Jawatankuasa Persediaan dapat menyediakan deraf Piagam Bank, yang kemudiannya dibincangkan dalam mesyuarat yang berlangsung pada bulan Mei 15-21, 1974 di Jeddah. Mesyuarat telah mengkaji deraf itu dan telah memperbaiki

deraf Piagam yang terakhir. Deraf terakhir itu kemudiannya dibentangkan di Persidangan Menteri-menteri Kewangan Islam yang berlangsung pada 10hb Ogos, 1974 di Jeddah, untuk mendapat persetujuan.

Di persidangan itu, ketua Perwakilan Malaysia telah menandatangani Piagam Bank itu bagi pihak Kerajaan Malaysia sebagaimana yang dipersetujui oleh Persidangan. Sebagaimana yang dikehendaki oleh Piagam Kerajaan Malaysia dikehendaki meluluskan Rang Undang-undang bagi mengesahkan Piagam tersebut. Dengan melakukan ini Yang Berhormat Menteri Kewangan akan diberi kuasa untuk menandatangani surat "Pengesahan" (the instrument of ratification).

Oleh yang demikian, adalah sesuai dan mustahak bagi Akta ini diluluskan oleh Dewan secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua saya mohon mencadangkan.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar (Datuk Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

4.22 ptg.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ucapkan tahniah kepada Kerajaan yang telah melibatkan diri mereka di dalam perlaksanaan tertubuhnya Bank Pembangunan Islam ini, dan oleh kerana negara kita Malaysia merupakan sebuah negara yang telah diakui oleh negara-negara luar sebagai negara dan Pusat Islam di Tenggara Asia ini, maka sudah kena pada tempatnyalah kita memberikan sokongan yang bulat kepada Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, sejarah kelahiran Bank Pembangunan Islam yang bermula dengan kesedaran umat Islam di negara-negara Islam daripada keruntuhan-keruntuhan mereka, maka dapat kita membaca sejarah pembangunan Islam ini setelah ia mengalami keruntuhan dan kehancurannya setelah negara-negara ini di bawah penjajahan. Sebelum negara-negara ini dijajah dan kejayaan negara itu diambil oleh kuasa-kuasa penjajah, negara-negara Islam merupakan

sumber bukan sahaja ilmu pengetahuan tetapi juga dari sumber-sumber alam yang kaya bagi kementerian ekonomi mereka pada beberapa abad yang silam.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kelahiran dan kesedaran ini yang terbit daripada Persidangan Negara-negara Islam di mana putra dari Malaysia ini diberikan kehormatan yang tinggi oleh negara-negara Islam dengan terlantiknya Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj sebagai Setiausaha Agong Islam yang pertama dan beliau juga telah diamanahkan oleh rakyat di negara kita bagi melahirkan apa yang kita sebut pembangunan baru di dalam masyarakat atau negara Islam. Maka beliau telah memberikan tenaga, fikiran dan usahanya ke arah yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri sebentar tadi. Dengan lain-lain perkataan, secara langsung Malaysia adalah terlibat di dalam pembangunan Bank Pembangunan Islam ini maka pada fahaman saya tidak ada seorang pun daripada Ahli-ahli di dalam Dewan ini yang akan menentanginya, tetapi akan memberikan sokongan yang bulat dan mengharapkan supaya Bank Pembangunan Islam ini akan sebenarnya dapat memberikan bantuan kepada pembangunan negara-negara Islam pada masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang kita faham dengan keadaan pergolakan sekarang terutama sekali di dalam krisis mata wang, krisis ekonomi dan sebagainya, maka Bank Pembangunan Islam ini akan memainkan peranannya di dalam bidang memberikan bantuan kepada negara-negara Islam yang sedang dan yang akan membangun, jadi yang menarik perhatian saya, kalau saya tidak salah, bahawa Bank Pembangunan Islam ini tidak mengutamakan bunga (interest) tetapi akan memberikan keuntungan. Apakah fahaman yang dikemukakan oleh Bank Pembangunan Islam ini dapat mengimbangkan ataupun dapat menghadapi perkembangan-perkembangan bank di dalam dunia ini di mana mereka mengutamakan dan menjadikan pokok yang utama keuntungan secara bunga, misalnya dibandingkan dengan Bank Pembangunan Islam tidak kepada dasar itu. Adakah Bank Pembangunan Islam ini akan dapat hidup berjuang di tengah-tengah pergolakan yang seperti ini, akan sama-sama dapat kita lihat asal sahaja kita dapat menengahkan bahawa konsep Islam di

dalam kelahiran sebuah bank tidak berdasarkan kepada bunga, tetapi berdasarkan kepada pembangunan di mana di dalam pembangunan-pembangunan itu akan dapat keuntungan-keuntungan yang kemudian dialirkan kepada para atau anggota-anggota yang menjadi pembeli saham daripada Bank Pembangunan itu.

Tuan Yang di-Pertua, harapan kita, harapan saya sendiri, tidak lain dan tidak bukan supaya Bank Pembangunan Islam ini sebenar-benarnya dapat memberi contoh kepada dunia bahawa Islam bukanlah hanya sekadar pergi ke masjid, sembahyang dan membaca tahlil, tetapi ia mempunyai bidang-bidang yang lebih luas terutama sekali di dalam bidang-bidang pembangunan, kebendaan dan kerohanian dan yang paling membanggakan saya bahawa semua usaha bagi kelahiran Bank Pembangunan Islam ini telah dipusatkan di Kuala Lumpur ini, tenaga-tenaga yang memikirkkannya ialah tenaga-tenaga kita di Kuala Lumpur, maka kita mengharapkan faedah yang akan kita dapat daripada kelahiran Bank Pembangunan Islam ini akan lebih besar dan lebih menafaat kepada umat Islam seluruhnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Rang Undang-undang ini.

4.28 *ptg.*

Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan sebanyak terima kasih di atas peluang yang diberikan kepada saya. Rang Undang-undang yang sedang kita bahaskan sekarang ini sudah tentulah mendapat sokongan termasuk saya seorang daripadanya yang menyokong dengan kuatnya di atas Rang Undang-undang ini, sebab tidak dapat dinafikan lagi tentang faedah-faedah terutama sekali umat Islam kita di Malaysia ini.

Cuma saya hendak mendapat penjelasan daripada pihak Kerajaan tentang kelewatan Rang Undang-undang ini dikemukakan, sebab perkara Bank Pembangunan Islam ini telah lama kita dengar dan perlaksanaannya masih belum bermula lagi. Jadi adakah kerana kelambatannya Rang Undang-undang ini dikemukakan, maka Bank Pembangunan Islam ini belum dapat ditubuhkan lagi? Selain daripada itu, sukacita juga saya mendapat penjelasan lagi samada Bank

Pembangunan Islam ini juga akan dilaksanakan di Pantai Timur terutama sekali di Negeri Kelantan. Inilah masalah yang sedang ditunggu-tunggukan. Saya di samping menyokong Rang Undang-undang ini, sukalah supaya perlaksanaannya dapat di-segerakan.

4.31 ptg.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, saya bukan seorang ahli banking, tetapi samalah juga dengan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain berasa bertanggungjawab untuk memberi sumbangan sekadar yang boleh. Saya minta supaya Dewan ini jangan silap faham dan bersabar, jangan menuduh kalau saya menceritakan apa yang saya tahu berkenaan dengan bank. Bank yang hendak dibuat ini lebih kurang mengikut ilmu banking seperti Chartered Bank iaitu mendaftarkannya sahaja datang daripada Queen atau Duli Yang Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ataupun oleh Parlimen kita. Ia tidak disokong atau tidak didaftarkan seperti bank-bank biasa. Jadi taraf kita paling tinggi, kalau saya tidak silap, dan ahli ekonomi di sini boleh menerangkannya iaitu lebih kurang sama seperti Chartered Bank sahaja. Jadi, janganlah kita terkejut bahawa ini Bank Islam.

Yang kedua, kita namakan Islamic Development Bank. Tetapi perjalanannya belum tahu lagi, adakah dia itu Islamic ataupun tidak. Apa yang ada ialah sekadar kita tidak mengambil interest. Saya bimbang adakah tidak mengambil interest secara sungguh-sungguh ataupun tidak mengambil satu faedah yang kita namakan interest, maka kita namakan yang lain? Service chargekah atau bermacam-macam nama lain, kita tukarkan nomenclature. Ini remain to be seen. Ini masalah yang kita hendak perhatikan. Oleh itu kita dapati pula Bank Pembangunan Islam (Islamic Development Bank) bukan bank biasa, bukan bank yang menitik beratkan perkara-perkara commercial dalam development. Development ini bermakna untuk projek-projek yang ekonomik sahaja yang kita boleh buat. Adapun kita mengharap bank ini untuk menolong satu negeri yang miskin, misalnya ada satu negara itu kaya maka negara kita miskin dan dia hendak menolong kita, saya rasa tidak boleh, sebab perkara ini hanya bergantung kepada development aspect semata-mata. Saya

menyokong untuk mewujudkan bank ini tetapi apa yang saya cakap ialah tentang perlaksanaannya. Saya dapati di dalam pembangunan (development) negara kita tidak ada satu projek pun yang disediakan untuk disambut lahirnya bank ini. Sekurangnya ada projek yang besar yang kita tidak peruntukkan wangnya samada dengan direct loan ataupun indirect loan, kita peruntukkan token sahaja sebagai tanda yang kita menunggunya, tetapi tidak ada satupun. Apa yang ada, kita telah ada wang ataupun kita ambil direct loan ataupun indirect loan daripada luar ataupun dari dalam, tetapi yang hendak menyambut kelahiran bank ini tidak ada. Dengan demikian, negara kita Malaysia tidak akan ada peluang untuk kita mendapat faedah daripada bank ini seperti mana yang diharapkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya menceritakan ini bukanlah saya sebagai authority, tetapi yang saya ceritakan ini kebetulan iaitu semasa mesyuarat yang terakhir saya diberi kehormatan hadir bersama di dalam Chamber itu iaitu di dalam mesyuarat hendak membentuk Rang Undang-undang (Statute) ini. Saya ada bersama di dalamnya dan ini bukan diadakan di Kuala Lumpur, tetapi dibuat di Jeddah termasuk orang Pakistan dan orang Arab serta beberapa orang cerdek pandai dan termasuklah seorang doktor kita Dr Sariman Rais. Jadi, yang saya bimbangkan apabila kita wujudkan bank ini, maka orang-orang Islam kita di Malaysia ini terkejut dan menunggu faedah dan apabila lambat dapat faedah, mereka marah. Ini bank Islam, Kerajaan kita buat tidak patut dan Bank Islam ini tidak boleh berjalan serta menolong kita. Pada hal bukan nama Islam itu yang menjadi masalah, tetapi structure bank itu sendiri yang kita tidak tahu. Ini adalah perjanjian (agreement) kita dengan negeri-negeri yang berkenaan, bukan peraturan bank itu sendiri. Jadi, saya menarik perhatian Dewan ini iaitu yang saya bimbangkan ialah nama nomenclature ini begitu sedap, tetapi isinya, saya bimbang kalau kita tidak contribute bersama, maka isinya tidak dapat, samalah dengan gelaran yang berbunyi: Sang Maharaja dirimba. Sang maharaja dirimba itu "pelanduk". Bunyi maharaja dirimba, besar, tetapi apabila kita ambil perhatian yang benda itu ialah pelandok yang besarnya hanya ada kira-kira dua jengkal sahaja. Jadi saya takut bank ini (Islamic Development Bank) ini

besar, unique dan belum ada lagi berlaku dalam dunia, tetapi hanya kali yang pertama dan bila didapati hanya kecil sahaja. Itu yang saya bimbang dan saya harap negara kita akan memberi contribution supaya perkara ini effective.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis ini ditempokan sekarang selama 15 minit.

Persidangan ditempokkan pada pukul 4.35 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 5.00 petang.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

5.00 ptg.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya adalah menyokong dengan sepenuh-penuhnya di atas Rang Undang-undang ini. Saya sebagai orang Islam berbangga sangat oleh kerana adanya satu Bank Pembangunan Islam dalam negeri yang banyak ini bersatu dan membuka satu Bank Pembangunan Islam yang sebesar. Saya fikir bukannya Bank Pembangunan Islam ini macam mana ada saudara saya menyatakan iaitu namanya sahaja seperti hulubalang, hutan belantara tetapi adalah seperti kancil kecil. Saya fikir tidak begitu oleh kerana modalnya sahaja saya dengar ialah sebanyak dekat-dekat \$200 juta American dollars pada masa akan datang. Ini satu bank yang cukup besar, untuk negeri kita sahaja sebanyak \$60 juta Malaysia. Dan ini adalah satu daripada kebangkitan Islam, orang Islam telahpun memikirkan selama ini bahawa mereka telah tidur lama dan hari ini telah bangun dan hendak membangunkan negara-negara Islam. Tetapi saya hendak bertanya sedikit sahaja iaitu berkenaan dengan faedah atau keuntungannya. Biasanya dikatakan faedah dan keuntungan daripada bank ini mestilah kita dapati oleh kerana jikalau tidak begitu, bank tidak boleh berjalan dan keuntungan-keuntungan ini adalah saya fikir lebih kurang serupa juga. Maka dengan sebab itu, hendaklah dijagai berkenaan dengan keuntungan ini.

Yang kedua, berkenaan dengan Huraian 2 (d) Fasal 8 memberi kuasa kepada Yang di-Pertuan Agong untuk memberi taraf, imuniti-imuniti dan keistimewaan-keistimewaan kepada Bank, gabnor-gabnornya, pengarah-pengarahnya, pegawai-pegawainya dan pekerja-pekerjanya. Di sini saya bukan tidak

menyokong, saya menyokong sepenuh-penuhnya, tetapi adakah taraf mereka ini seperti diplomat sebab diplomat sahaja yang ada sifat-sifat immunity ini. Kalau misalnya Gabnor Bank ini ada imunitinya hingga pekerjanya seperti peon pun ada hak imunitinya. Kalau sekiranya orang Malaysia menjadi pegawai adakah imuniti ini diberi kepada dia juga kerana dia tertakluk kepada undang-undang dalam negeri. Maka dengan sebab itu, saya hendak penjelasan di atas perkara ini dan saya tidak hendak bercakap banyak oleh kerana saya adalah menyokong sepenuh-penuhnya Rang Undang-undang Bank Pembangunan Islam dan ini adalah cita-cita kita semua orang Islam dan juga cita-cita barangkali yang bukan Islam yang menengokkan orang Islam sangat mundur dalam dunia ini, maka saya yakin dan percaya iaitu orang-orang yang bukan Islam yang duduk dalam negara ini pun menyokong bersama-sama dengan sepenuh-penuhnya kerana orang Islam bukan sahaja di Malaysia, di negara China ada sebanyak 30 juta orang Islam tetapi hidupnya menderita dan mundur. Maka dengan sebab itu, dengan adanya Bank Pembangunan Islam ini, saya percaya pada masa yang akan datang orang-orang Islam akan sedar dan akan membangun.

5.04 ptg.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya memberi sokongan di atas Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita ini dan saya cuba seberapa ringkas membuat ulasan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masaalah Bank Pembangunan Islam ini, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan telah membuat ulasan. Gemar saya menarik perhatian bahawa dengan wujudnya Bank ini dan kita Kerajaan Persekutuan Malaysia ini salah seorang daripada anggotanya, ini adalah penambahan tenaga kewangan dalam negeri kita ini boleh meneruskan, boleh mengusahakan perlaksanaan pembangunan. Ini juga satu perkara yang tidak terfikir oleh setengah-setengah negeri-negeri yang bukan Islam wujudnya sebuah Bank yang tidak mengambil faedah. Saya percaya bahawa dasar-dasar Bank Pembangunan Islam ini akan mengikut lunas-lunas Quraan dan Hadis, kita tidak ragu-ragu lagi. Bank ini ditubuhkan ialah kerana kita dapat pandangan-pandangan daripada pakar-pakar bank

antarabangsa, yang disertai oleh pakar-pakar bank Islam daripada negara-negara Islam dan masalah ini kita sangat besar hati sebab di Malaysia ini telah menjadi salah sebuah anggotanya.

Satu perkara sahaja dalam masalah tunggakan yang akan diberi oleh Malaysia itu, saya ingin tahu berapa banyak yang kita akan sumbangkan dan kita juga ragu-ragu bahawa daripada tiga puluh empat negara Islam ini, saya fikir bank ini tidak akan dapat diberi, sebab setengah-setengah negara kawasan Arab masih ragu-ragu lagi kepada wujudnya Bank Pembangunan Islam ini hendak memberi tunggakan supaya bank ini berjalan. Dengan keadaan yang macam ini, kalau negara-negara Arab ini masih ragu-ragu lagi akan wujudnya Bank Pembangunan Islam ini, saya fikir bank ini tidak akan dapat berjalan dengan sempurna. Hanya empat lima buah negara Arab sahaja yang memberi sumbangan dan sokongan yang sepenuh-penuhnya, tetapi setengah-setengah negara lain itu menurut hemat saya ada yang masih ragu-ragu.

Inilah sahaja yang dapat saya berikan pandangan dan saya ucapkan terima kasih.

5.07 ptg.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak payah memberi ulasan-ulasan di atas beberapa pandangan yang telah diberikan oleh Ahli-ahli Yang terhormat dalam Dewan ini, oleh kerana nampaknya semua Ahli-ahli menyokong Rang Undang-undang ini supaya Kerajaan Persekutuan boleh menjadi anggota bank ini. Tetapi saya suka memberi jawapan kepada dua tiga perkara yang tertentu yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Amin bin Yaakub yang barangkali salah sangka bahawa Kerajaan Persekutuan telah melambatkan penubuhan Bank Pembangunan Islam ini. Sepertimana yang saya telah terangkan tadi bila saya membacakan Rang Undang-undang kali kedua, wakil Kerajaan Persekutuan telah menandatangani surat perjanjian pada 10hb Ogos, 1974, dan oleh kerana Dewan ini mesti meluluskan Rang Undang-undang ini sebelum Kerajaan boleh menjadi anggotanya tidak dapatlah dalam bulan Ogos dikemukakan Rang Undang-undang ini kepada Parlimen.

Sepertimana Ahli-ahli Yang Berhormat juga sedar, inilah kali pertama Parlimen

dapat bersidang selepas bulan Ogos dan saya hendak memberi penjelasan iaitu Kerajaan Persekutuan tidak melambatkan perkara ini. Saya ingin menjelaskan juga bahawa ini adalah sebuah Bank Pembangunan Islam antarabangsa, bukan bank Kerajaan Persekutuan. Walaupun jikalau Rang Undang-undang ini diluluskan dan Kerajaan Persekutuan menjadi salah satu anggotanya terpulanglah kepada negeri-negeri yang lain samada negeri-negeri tersebut akan menjadi anggota-anggota ataupun tidak. Rasa saya samada Bank Pembangunan Islam ini dapat mengadakan bangunannya di Pantai Timur, saya ingat perkara itu tidak timbul, kerana ini adalah satu bank antarabangsa, bukan satu bank tempatan.

Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad bin Arshad juga minta penjelasan samada Kerajaan sudah memberi satu sumbangan kepada Bank ini. Sukacita saya memberitahu ahli-ahli Yang Berhormat bahawa Kerajaan Persekutuan telahpun memberikan satu jaminan supaya memberi sumbangan kepada Bank sebanyak 16 juta Islamic Dinar. Islamic Dinar itu bersamaan dengan duit Amerika Syarikat US \$19.27 juta dan jikalau diminta Kerajaan bolehlah menimbangankan mengenai samada sumbangan ini mencukupi ataupun tidak.

Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar Hamzah bimbang samada Bank ini akan menjalankan aktiviti-aktiviti berdasarkan dasar Islam ataupun tidak. Oleh kerana Yang Berhormat sendiri menghadiri persidangan di Jeddah, tidak payahlah saya terangkan lagi perkara-perkara dalam soal ini melainkan menarik perhatian Yang Berhormat itu kepada perjanjian ini, khususnya kepada preamble. Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin membacakan sedikit daripada preamble ini. Oleh kerana preamble ini dalam bahasa Inggeris, saya ingin membacakan di sini:

“That the Government on whose behalf this agreement is signed, is convinced in this context of the desirability of establishing an international financial institution which shall be development, investment and welfare-oriented, based on Islamic principles and ideals.”

Saya tegaskan, “based on Islamic principles and ideals”. Ini ialah di dalam preamble dan tidak payahlah saya sebutkan tentangnya sekali lagi.

Yang Berhormat Raja Nong Chik telah meminta penjelasan atas peruntukan di dalam Fasal 8, dalam Rang Undang-undang ini, di mana jikalau saya boleh membaca Rang Undang-undang ini:

“8. (1) Yang di-Pertuan Agong boleh dengan perintah membuat apa-apa peruntukan yang difikirkannya menasabah perlu untuk menguatkuasakan mana-mana daripada peruntukan-peruntukan perjanjian itu berhubung dengan taraf. imuniti-imuniti”

Dan fasal ini memberi kuasa sahaja kepada Yang di-Pertuan Agong supaya boleh membuat perintah yang difikirkan menasabah. Jikalau tidak menasabah, tidaklah akan diberi imunitinya kepada seorang pekerja atau kakitangan seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Saya tegaskan, adakah itu difikirkan menasabah.

Saya akhiri dengan mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan atas perkara ini dan setakat ini saya tidak ada urusan yang lain.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 8 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Pendahuluan diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERBANDARAN DAN LEMBAGA BANDARAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.20 ptg.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar (Datuk Ong Kee Hui): Tuan Yang

di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Lembaga Perbandaran dan Bandaran (Pindaan), 1974 dibaca bagi kali yang kedua.

Memandangkan kepada kejadian beberapa kebakaran baru-baru ini di dalam Wilayah Persekutuan, Rang Undang-undang ini telahpun dibentangkan dan diluluskan di Dewan Rakyat melalui “Certificate of Urgency” dan mempunyai peruntukan-peruntukan yang lebih berkesan berhubung dengan pencegahan dan pamadaman kebakaran. Soalan-soalan telah juga dikemukakan oleh beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang khuatir tentang kejadian beberapa kebakaran di dalam Wilayah Persekutuan.

Oleh yang demikian, Ordinan Perbandaran dan Enakmen-enakmen Bandaran adalah dipinda untuk membolehkan Menteri mengadakan Undang-undang kecil baru yang lebih berkesan berhubung dengan pencegahan dan pamadaman kebakaran. Undang-undang Kecil baru ini telahpun disediakan dan akan dikuatkuasakan dengan secepat mungkin.

Kementerian saya juga bercadang hendak mengadakan peruntukan-peruntukan baru di dalam Ordinan Perbandaran dan Enakmen-enakmen Lembaga Perbandaran, bagi menjalankan pengawalan berkenaan dengan “earthworks”, khususnya kerja-kerja menggali (excavations) supaya pemaju-pemaju mengambil langkah-langkah keselamatan yang cukup untuk menghalang runtuh-runtuh tanah dan sebagainya yang membahayakan nyawa dan hartabenda. Undang-undang yang ada sekarang menyentuh perkara asas bangunan (foundations), tetapi tidak meliputi “earthworks”. Rang Undang-undang ini akan menghendaki pemaju-pemaju mengemukakan pelan-pelan berkenaan dengan “excavations” dan “earthworks” termasuk juga kerja-kerja yang sedang dijalankan sekarang. Seorang pemaju tidak dapat memulakan kerja-kerja tersebut sebelum pelan-pelan ini diluluskan oleh Pihakberkuasa Tempatan.

Butir-butir lanjut mengenai Rang Undang-undang ini adalah diberi dalam Huraian. Kerajaan-kerajaan Negeri telahpun diberitahu tentang Rang Undang-undang ini dan persetujuan mereka telahpun diperolehi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

5.22 ptg.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini memandangkan kepada apa yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan pencegahan daripada berlakunya beberapa kebakaran ataupun kemusnahan di dalam Majlis-majlis Perbandaran dan Lembaga Bandaran di negara kita ini dan mungkin juga termasuk di dalam Wilayah Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, kebakaran yang berlaku di beberapa daerah atau di beberapa Majlis-majlis Perbandaran atau Lembaga Bandaran yang sekarang ini pernah kita dengar beritanya sering berlaku di negara kita ini bukan sahaja oleh kerana kebocoran wayar-wayar letrik tetapi juga oleh kerana rumah-rumah yang telah didirikan itu tidak sesuai untuk dijadikan bengkel-bengkel perusahaan atau sebagainya. Maka Rang Undang-undang seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri untuk mengetatkan lagi cara pembangunan dan untuk menjaga supaya tidak berlaku sebarang kebakaran, ini adalah dialu-alukan. Tetapi, perkara yang patut diambil perhatian ialah negara kita ini kian lama kian bertambah maju dan kebakaran selalu menjadi akibat yang sangat-sangat mendukacitakan.

Bandar-bandar seperti Kuala Lumpur sekarang ini boleh dikatakan tidak dapat kita lalui jalanraya dengan senang terutama sekali kalau berlaku satu-satu kebakaran. Di Ulu Klang misalnya, maka kereta bomba tidak begitu senang sampai ke tempat itu oleh kerana kenderaan yang begitu banyak dan jalannya pula yang begitu sempit yang tidak dapat dilalui oleh kereta bomba dengan cepat menuju ke tempat kebakaran. Sebab itu, saya rasa sudah sampai masanya Yang Berhormat Menteri memikirkan cara-cara pencegahan kebakaran ini bukan hanya sepatut dengan kereta-kereta bomba yang ada sekarang seperti yang terdapat di Jalan Maxwell, di Jalan Shaw yang mana hanya ada dua kalau tidak salah saya untuk menghadapi sebarang kemungkinan berlakunya kebakaran di Ibu Kota, tetapi juga patut diadakan seberapa banyak post-post lagi ditempatkan yang kita anggap boleh berlaku

dengan sekonyong-konyong kebakaran di daerah-daerah seperti Kuala Lumpur ini.

Yang keduanya, saya syorkan kepada Kerajaan supaya memikirkan apakah sudah sampai waktunya helikopter digunakan untuk meninjau sebarang kebakaran yang mungkin berlaku dan yang sedang berlaku, kalau dengan perjalanan kereta sulit sampai ke tempat itu dan dengan helikopter misalnya akan dapat lebih jelas, lebih terang dan lebih cepat mendapat bantuan, kalau sekiranya sebarang kebakaran berlaku. Bagi negara-negara yang maju seperti kita ini, kenderaan-kenderaan yang lebih cepat seperti helikopter itu patut digunakan untuk mencegah kebakaran. Kalau ini dapat kita usahakan, saya rasa akan dapat juga pertolongan-pertolongan bagi mencegah kebakaran itu dengan beberapa segera yang boleh dan tentulah barangkali kalau tidak air bertan-tan naik ke atas helikopter itu, tetapi mungkin ada chemical yang lain atau cara-cara yang lain yang boleh disemburkan bagi memadamkan kebakaran itu dari udara melalui kapal-terbang atau helikopter.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa dengan bertambah ramainya manusia sekarang ini maka akan bertambah banyak pula perkara yang boleh merosakkan kehidupan manusia itu. Kalau orang sudah ramai, sampah pun banyak, orang yang menghisap rokok pun banyak, mancis api pun banyak dan kebakaran pula banyak tentulah kemudahan juga akan banyak berlaku. Oleh kerana itu, saya mengesyorkan selain daripada yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri, pembina-pembina rumah harus mengikut syarat-syarat seperti yang disebutkan, maka selain daripada itu usaha-usaha pencegahan berlakunya kebakaran itu juga harus difikirkan.

Saya lihat di bandar-bandar kecil ada kereta-kereta bomba dan kereta-kereta bomba ini nampaknya sudah uzur, kadangkala tidak digunakan. Bila masa kita hendak digunakan, dia tidak boleh jalan, dia mogok. Jadi kebakaran berlaku juga. Seperti yang saya telah baca dalam akhbar satu kebakaran yang berlaku di Kuala Trengganu misalnya dimana sebuah kereta terbakar ditengah-tengah bandar sampai hangus kereta itu, baharu bomba sampai. Itu baharu sebuah kereta sahaja. Ini menunjukkan bahawa kereta-kereta bomba itu sudah tidak dapat digunakan. Jadi kalau itu,

alhamdulillah, baru sebuah keretapi, kalau sebuah rumah sampai hangus baru kereta bomba sampai, maka kemalangan seperti ini amatlah mendukacitakan kita dan patut disalahkan kepada Kerajaan atau Kementerian yang berkenaan yang tidak dapat mengawal kebakaran ini. Dengan sebab itu, tidaklah kita maksudkan semua Negeri ini mesti ada helikopter untuk mencegah kebakaran, tetapi tempat-tempat yang menasabah sahaja, misalnya seperti di Kuala Lumpur, Ipoh, Pulau Pinang, Seremban dan Johor Bahru, maka bandar-bandar yang seperti ini sudahlah sampai masanya digunakan alat-alat yang lebih cepat dan yang lebih moden dan saya dengan ini, menyokong Rang Undang-undang ini dan memberi kepujian kepada Menteri yang berkenaan kerana pandangan yang berat terhadap bahaya yang akan berlaku di bandar-bandar.

5.30 ptg.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang (Pindaan) ini, kerana dari dahulu saya telah bercakap, terutama sekali berkenaan dengan parit, tanah runtuh (erosion) dan sebagainya. Dengan adanya pindaan ini, maka saya percaya pada masa yang akan datang tentulah pemaju-pemaju perumahan berhati-hati apabila hendak memajukan sesuatu tempat.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum tahun 1971, ada satu kawasan di Petaling, nama tempat itu Kampung Bahagia. Tiap-tiap kali hujan, Kampong Bahagia karam. Ini bukan perbuatan Tuhan, tetapi perbuatan manusia. Oleh kerana pemaju-pemaju ini hendak untung dan pada masa itu tidak ada undang-undang ini, sebab pada masa itu Kerajaan belum sedar hal ini. Pada masa itu pemaju-pemaju ini dengan sewenang-wenangnya boleh membuat perumahan begini. Tiap-tiap kali hujan, walaupun hujan kecil kampung itu habis karam, baikpun Kampung China atau Melayu.

Ada satu masa orang sedang mengadakan majlis perkahwinan, maka turun hujan lebat dan air yang datang itu bukan air putih, tetapi air lumpur, sehinggakan tempat tidur dan kelambunya habis tidak boleh dipakai lagi. Ini bukan cakap olok-olok, tetapi memang benar-benar berlaku. Dengan sebab itu, rakyat marah kepada pemaju-pemaju yang tidak bertanggungjawab. Bukan itu

sahaja beberapa kali orang-orang kampung membuat parit supaya air boleh mengalir menerusi kampung itu, tetapi tidak diambil peduli langsung. Dar Kerajaan Negeri terpaksa mendahulukan duit sebanyak \$40,000 untuk membuat parit.

Tuan Yang di-Pertua, bukan satu tempat sahaja, di Bungsar ada Nanyang Development dan macam-macam development lagi telah meratakan bukit itu dengan sesuka hatinya sehingga bukit itu botak. Dengan tidak ada parit-parit disediakan, maka apabila hujan mengalir air dengan sederasderasnya dan di Bungsar dekat dengan Lever Brothers, tiap-tiap kali karam bila hujan. Jadi berjuta ringgit pula Kerajaan terpaksa mengeluarkan wang mengorek parit dan membuat lubang pebetong besar. Bukan itu sahaja bahkan sungai mesti di dalamkan.

Tuan Yang di-Pertua, sudah sampai masanya iaitu dibuat satu undang-undang, dan dengan adanya undang-undang ini saya syorkan supaya pelan ini didapati baik sebagaimana yang ditunjukkan di atas kertas iaitu berkenaan dengan air mengalir, keluar masuk dan sebagainya. Tetapi apabila sudah diluluskan permohonannya mereka tidak pedulikan lagi, dia buat sesuka hati. Dengan sebab itu wang simpanan mesti ada, kalau projek itu berharga sebanyak \$1 juta, 10% wang pendahuluan mesti disimpan. Jikalau dia tidak buat, maka Kerajaan akan buat. Apabila membuat perumahan mesti ditentukan, iaitu apabila sudah siap diratakan, tebing-tebing ditanam dengan rumput dan semuanya sudah elok barulah kebenaran (permission) diluluskan untuk mendirikan rumah. Tetapi pada hari ini tidak dibuat begitu, mereka buat sahaja di mana suka mengikut kehendak hati, kemudian didirikan rumah. Selepas itu didirikan rumah pula di lain tempat, tidak didirikan dengan sekali gus. Dengan sebab itulah earthwork tidak dapat berjalan begitu elok.

Tuan Yang di-Pertua, earthwork ini ada dua jenis, yang saya tahu baru-baru ini berlaku, dahulu saya tidak tahu, yang saya tahu satu sahaja iaitu mengkaramkan dan rumah-rumah orang kampung habis lintang-pukang. Pada hari ini, saya tahu ada dua earthwork. Misalnya, bangunan Fitzpatrick Food Supplies sudah tumbang kerana earthwork juga, sebab dikorek terlampau dalam. Hal ini masih dalam investigation. Bukan di tempat itu sahaja, bahkan ada terjadi di tempat

lain. Oleh itu, saya fikir di masa akan datang perkara berkenaan korek-mengorek mestilah dijaga.

Saya dengar di sekiling Jalan Pudu hal earthwork ini juga berlaku, perkara ini tidak masuk dalam perbicaraan. Mengikut yang saya dengar, entah ia entah tidak akiteknya tersilap membuat pelan rumah, sebab tidak ada outlet, air terlampau deras. Apabila diletakkan konkrit dan sebagainya keadaannya terapung-apung, menjadi seperti rakit. Dengan sebab itu, apabila hendak didirikan bangunan, terutama di Jalan Pudu dekat dengan Eastern Smelting atau bangunan yang lain, Yang Berhormat Menteri cubalah selidiki, kerana kalau sudah didirikan bangunan yang tinggi tidak boleh diperbaiki lagi.

Saya dengar apabila bangunan sudah siap sampai 4 tingkat kekuatannya terhenyak ke bawah dan keselamatan tidak terjamin dan keadaan bangunannya bergoyang. Saya bercakap di sini kerana saya diberitahu oleh orang. Betul atau tidak, itu terpulanglah kepada Menteri untuk menyiasatnya.

Berkenaan dengan api, ini memang benar seperti apa Yang Berhormat tadi mengatakan. Kerajaan juga telah mengambil perhatian yang berat di atas api ini, kerana negara kita baru sahaja mengadakan bangunan-bangunan yang tinggi. Dengan sebab itu maka diharapkan Kerajaan dapat menghantar pegawai-pegawai Bomba berkursus keluar negeri, oleh kerana kita baru lagi membangun tentulah tidak ada experience yang banyak terhadap bangunan-bangunan yang tinggi ini. Pegawai-pegawai ini dihantar berlatih, baik di Singapura, sebab Singapura selalu terjadi kebakaran ataupun dihantar ke Seoul, Korea Selatan oleh kerana di sana sudah beberapa kali hotel terbakar di waktu orang sedang menari bogel; disebabkan bangunan itu terlampau tinggi maka tidak dapat lari.

Itulah sahaja pandangan saya, dan saya menyokong sepenuh-penuhnya di atas Rang Undang-undang (Pindaan) yang begini cemerlang yang dibawa oleh Yang Berhormat Menteri yang dikasihi itu.

5.40 ptg.

Datuk Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ucapkan berbanyak

terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang memberi pandangan tentang Rang Undang-undang ini.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Othman bin Abdullah mengesyorkan atau menarik perhatian saya berkenaan dengan lalulintas yang susah pada masa ini dalam bandar-bandar besar seperti di Kuala Lumpur. Ini satu perkara yang memang Kementerian saya dan pihak Dewan Bandaraya sedar. Perkara ini akan ditimbangkan dan satu cara bagaimana kita dapat mengatasi perkara seperti ini dikaji, saya fikir seperti yang disyorkan oleh Ahli Yang Berhormat menempatkan lagi station baru di tempat-tempat yang lain daripada yang ada sekarang. Ini telahpun dijalankan kerana pada masa ini kawasan Wilayah Persekutuan sudah ditambah daripada 36 batu persegi kepada 94 batu persegi. Perkara ini akan ditimbangkan dan diambil perhatian yang berat.

Berkenaan dengan menggunakan helicopter adalah satu perkara yang sedang dalam kajian dan akan diuji keperluan-keperluannya. Ada pihak memberi pandangannya, katanya, helicopter ini barangkali ada sedikit susah digunakan untuk mencegah kebakaran, kerana kipasnya akan mengipas angin jadi lebih kuat lagi api itu kebakaran. Ini satu perkara yang hendak difikirkan. Lagi pun helicopter dalam badannya sendiri ada minyak dan minyak ini satu bahan yang cepat terbakar dan barangkali orang dalam helicopter itupun akhir-akhirnya kena kemasalangan. Jadi ini satu perkara yang mesti dikaji dengan teliti.

Berkenaan dengan bomba-bomba di bandar-bandar atau seperti di luarbandar yang tidak dijaga yang apabila hendak dipakai rosak, ini satu perkara yang memang Kementerian sedar dan Kementerian saya telah mengesyorkan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri supaya semua perkhidmatan bomba dipusatkan dan ditanggungjawabkan oleh Kerajaan Pusat. Pada dasarnya Kerajaan-kerajaan Negeri bersetuju. Ada satu masalah timbul kerana dalam Perlembagaan Persekutuan mencegah api ini di bawah tanggungjawab Kerajaan Negeri. Jika, Kerajaan-kerajaan Negeri hendak menyerahkan perkhidmatan bomba kepada Kerajaan Persekutuan barangkali perlulah Perlembagaan kita dipinda. Jadi ini satu perkara yang kita fikirkan, mencari jalan bagaimana kita boleh

jalankan tugas ini dengan tidak payah kita pinda Perlembagaan Persekutuan. Jadi, mencari jalan itu rumit sedikit, tetapi boleh juga berjalan jikalau tiap-tiap Negeri membuat Undang-undang masing-masing dan menyerahkan kepada Kerajaan Pusat perkhidmatan bomba masing-masing. Ini satu perkara sekarang sedang ditimbang oleh Kementerian saya.

Sebelum kita menyerahkan perkhidmatan bomba kepada Kerajaan Persekutuan, perkhidmatan bomba sekarang masih lagi dalam tanggungjawab tiap-tiap Kerajaan Negeri, dan Kementerian saya akan berusaha dan menasihatkan supaya Kerajaan-kerajaan Negeri menjaga jentera dan segala kelengkapan dengan keadaan baik.

Berkenaan dengan perkara yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Raja Nong Chik bin Raja Ishak berhubung dengan kawalan pembinaan parit adalah terdapat dalam Akta Jalan, Parit dan Bangunan, 1974 (Street, Drainage and Building Act, 1974) yang telah diluluskan oleh Parlimen pada tahun yang lepas. Kuasa menghendaki pemaaju-pemaju membayar wang deposit ada, dan jika mereka tidak membina parit-parit yang mencukupi kepada Dewan Bandaraya atau Perbandaran, maka mereka bolehlah menggunakan wang deposit untuk membina parit. Ini satu perkara yang boleh dikawalkan dalam Akta yang telah diluluskan.

Berkenaan dengan pegawai-pegawai untuk berkursus di luar negeri. Ini satu perkara yang akan ditimbang dan latihan telahpun ada dalam Sekolah Latihan Perkhidmatan Bomba yang sekarang ada di Kuala Kubu bukan sahaja pegawai Kerajaan, orang awam juga dan syarikat-syarikat ada menghantar pegawai-pegawainya ke sekolah itu untuk dilatih bagaimana hendak mencegah kebakaran.

Saya fikir sekianlah sahaja yang saya hendak jawab kepada kedua-dua Yang Berhormat Senator dan sekali lagi saya ucapkan berbilang terima kasih atas pandangan mereka.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa,

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 6—

Datuk Dr Wee Khoon Hock: Tuan Pengerusi, saya ingin minta Yang Berhormat Menteri memberi sedikit penerangan berkenaan dengan dua perkara berhubung dengan Fasal 2 (2) (d).

Perkara yang pertama ialah berkenaan dengan ayat Enakmen Perbandaran Kelantan. Mengikut pengetahuan saya di Kelantan perkataan Perbandaran (Municipal) ini dilakukan sebelum merdeka iaitu semasa pemerintahan British dahulu. Pada masa itu telah dinamakan Municipal Council Kota Bharu dan semenjak merdeka telah diubah menjadi Majlis Bandaran, dan dalam tahun 1972 diubah pula menjadi Lembaga Bandaran. Oleh itu, saya minta Yang Berhormat Menteri, jikalau boleh pada masa yang akan datang diubah pula perkataan "Perbandaran" "municipal" ini menjadi "Lembaga Bandaran" supaya disamakan seperti Negeri Johor dan Negeri Trengganu.

Perkara yang kedua, Fasal 2 (2) (d) juga ialah perkataan "District Officer" Pada pengetahuan saya di Kelantan, District Officer Kota Bharu ialah Pegawai Jajahan Kota Bharu sahaja dan Lembaga Bandaran Kota Bharu itu adalah sebahagian dalam Jajahan Kota Bharu. Jadi patutlah perkataan ini diubah menjadi "President" bukan "District Officer". Oleh sebab Enakmen itu tidak dibentangkan di Dewan ini boleh jadi saya silap sedikit dan saya minta Yang Berhormat Menteri yang berkenaan memberi keterangan dalam perkara ini.

Datuk Ong Kee Hui: Tuan Pengerusi, oleh kerana Negeri-negeri Persekutuan kita ini pada permulaannya dibahagikan kepada beberapa bahagian yang dipersatukan seperti Straits Settlements, Federation Malay States, Unfederated Malay States dan Borneo States, maka Undang-undang berkaitan dengan local government adalah sangat rumit. Berkenaan dengan perkara ini, kementerian saya telah mengkaji, menyatakan beberapa undang-undang yang berkaitan, tetapi pada masa ini undang-undang yang bersangkutan masih berguna. Enakmen Perbandaran Kelantan

yang tersebut dalam Rang Undang-undang ini pada masa hadapan bolehlah kita mengambil langkah untuk pindaan dan menyesuaikan supaya tidak ada lagi kerumitan seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat.

Fasal 1 hingga 6 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual Pertama diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual Kedua diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual Ketiga diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual Keempat diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Pendahuluan diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG MAHKAMAH KEADILAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.56 ptg.

Timbalan Menteri undang-undang (Datuk Athi Nahappan): Tuan Yang di-Pertua, saya dengan hormatnya mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi meminda. Akta Mahkamah Keadilan, 1964, dibaca bagi kali yang kedua.

Seksyen 28 (1) dan Seksyen 68 (1) (a) memeruntukkan jumlah wang yang dipertikaikan (the amount in dispute) atau nilai hal perkara (the value of the subject-matter) sebelum rayuan-rayuan boleh dibuat masing-masing daripada Mahkamah Rendah kepada Mahkamah Tinggi dan daripada Mahkamah Tinggi kepada Mahkamah Persekutuan. Oleh kerana jumlah wang atau nilai tersebut telah ditetapkan dalam tahun 1948, ataupun sebelumnya, maka ianya sekarang ketinggalan (out of date). Oleh yang demikian adalah dicadangkan supaya jumlah wang atau nilai yang berkenaan dinaikkan dari \$100 kepada \$500, melainkan rayuan itu melibatkan soal undang-undang, dan dari \$500 kepada \$2,500. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin menyatakan di sini bahawa jumlah wang yang dipertikaikan atau nilai hal-perkara sebelum rayuan

boleh dibuat kepada "privy Council" telah dinaikkan dari \$5,000 kepada \$25,000 dalam tahun 1971.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

6.00 ptg.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong pindaan ini, tetapi saya dukacita mendengar penerangan yang diberi oleh pihak Kerajaan iaitu nilai barang yang dipertikaikan itu dinaikkan kerana undang-undang ini seolah-olah out of date, sudah ketinggalan zaman. Sebenarnya bukan out of date, tetapi kerana nilai purchasing power wang sekarang ini sudah kurang. Jadi bukanlah maknanya masalah \$100 ini out of date.

Yang kedua, saya tidak mahu perkataan except on a question of law, sebabnya mengapa pula yang kita bimbang sangat on the question of law dan membiarkan kepada majistret itu question of fact, lebih baik kita slience sahaja, biar macam dahulu. Barangkali pihak Kerajaan ingat bahawa dahulu exception ini tidak ada. Jadi mengapa sekarang ini patut diadakan; Kerajaan tidak menerangkan. Ini yang saya minta mengapa sebabnya Kerajaan tidak menerangkan.

Datuk Athi Nahappan: Tuan Yang di-Pertua, atas dua prinsip kenaikan wang ini telah dinaikkan. Sebagaimana saya katakan tadi prinsip yang pertama wang yang dipertikaikan, amount in dispute dalam mahkamah antara kedua pihak. Prinsip yang lain ialah nilai hal perkara. Ini bermakna the value of the subject matter dalam pertikaian, dalam dispute.

Ahli Yang Berhormat telah mengetahui sekarang kita dapat teguran daripada masa ke semasa kes-kes dalam mahkamah-mahkamah adalah sentiasa berlaku kelambatan. Dan inilah satu sebab antara lain untuk mengurangkan kes-kes kecil dalam harga dan nilai yang di bawah dua prinsip saya katakan tadi. Kalau satu kes harganya atau pertikaian atau perkaranya kurang daripada \$500 tak payahlah dibawa ke mahkamah tinggi. Ini bermakna beban kerja (work load) dalam mahkamah tinggi dikurangkan dan mahkamah tinggi boleh

membuat pekerjaan yang lebih berat. Ini tidak berdasarkan atas nilai mata wang. Ini berdasarkan atas wang yang dipertikaikan sahaja, tiada sangkut-paut dengan mata wang.

Teguran yang kedua, ialah berkenaan dengan mengapa dikecualikan rayuan atas soal undang-undang. Ini didasarkan kerana soal undang-undang ialah soal yang mustahak. Kalau rayuan yang didasarkan atau based on law ini satu hal yang mustahak diberi pertimbangan, ini tidak berkaitan dengan benda sahaja, dengan wang yang dipertikaikan atau hal perkara sahaja. Dan kalau ini menyentuh undang-undang lebih baik satu mahkamah yang tinggi menimbang hal itu dan memberi keputusan atas hal ini dan ini tidak terhad kepada value of the subject matter or value of the dispute. Kerajaan fikir ini adalah patut dan menasabah.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, I was misunderstood. Saya telah disalahfahamkan. Saya tidak mempersoalkan value of the subject matter. Saya menyatakan kita kecualikan the question of law tetapi tidak question of fact. Kadang-kadang mistake of law pun menjadi hal, mistake of fact pun menjadi hal. Jadi mengapa kita mengambil mistake of law dengan membiarkan mistake of fact. Saya lebih suka bahagian ini disilencekan sahaja seperti mana undang-undang yang dahulu. Barangkali copy ada pada Yang Berhormat Menteri. Itu saya minta penerangan.

Datuk Athi Nahappan: Tuan Yang di-Pertua, lebih baik dijelaskan hal ini dalam undang-undang, bila mana kita tiadakan satu soalan undang-undang, lebih baik parti yang suka merayu kepada mahkamah tinggi berhak merayu, dengan tidak menyentuh kebolehannya on subject matter.

(Dengan izin) Sir, it is important that questions of law should be taken up wherever possible to the higher tribunal from the lower tribunal, so that the higher tribunal will have the opportunity of resolving the matter; and if we make it clear that where a question of law becomes a matter of appeal, then the party concerned should have the right of appeal regardless of the value of the subject matter involved. I think if it is made clear, then there will be no doubt on that, and that is why this exception is made.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, again I was misunderstood. Saya bercakap berkenaan dengan mengapa kita membahaskan, menyatakan atau made clear berkenaan dengan question of law, tidak question of fact dan kalau sekiranya pihak Kerajaan memikirkan bahawa kalau kita memasukkan question of fact ini seolah-olah kita tidak menghormati kebolehan majistret itu lebih baik kita silence sahaja, itu lebih baik daripada kita mengambil satu dan meninggalkan satu lagi, we mention, express dalam satu limb dan kita tinggalkan satu limb, lebih baik kita silence. Yang saya maksudkan kalau benda ini diterima begini, iaitu kita berhenti setakat "subject-matter is five hundred dollars" sahaja, "or less except on a question of law" kita potong, kita silence di sini. Jadi di situ bermakna kita memberi peluang question of law dibawa ke mahkamah lebih tinggi dan kita menghormati juga kebolehan majistret daripada kita mention satu hal sahaja.

Datuk Athi Nahappan: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah jelaskan hal ini dan tak payah saya ulangkan lagi. Question of fact mengenai Rang Undang-undang ini sudah dijelaskan. Question of fact didasarkan atas pertikaian wang yang dipertikaikan dan juga hal perkara, tetapi question of law dikecualikan maknanya question of law yang timbul, parti atau pihak yang berkenaan berhak merayu kepada mahkamah tinggi dan tak payah menyentuh wang yang dipertikaikan atau nilai hal perkara. Ini saya sudah jelaskan berulang kali. Kalau Ahli Yang Berhormat itu tidak faham, saya tidak boleh menolong dia.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua mengengeruskan Jawatankuasa)

Fasal 1 hingga 3—

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, saya tidak mencadangkan dipinda, tetapi saya merayu kepada pihak Kerajaan

supaya memotong perkataan "except on a question of law" di bawah Seksyen 28 mengikut undang-undang yang lama.

Datuk Athi Nahappan: Tuan Pengerusi, akan diambil perhatian.

Fasal 1 hingga 3 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG
PENCEN BALU DAN ANAK YATIM
(SARAWAK) (PINDAAN (NO. 2))**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.12 ptg.

Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri (Datuk Abdullah Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang bertajuk "Akta Pencen Balu dan Anak Yatim (Sarawak) (Pindaan) (No. 2), 1974 dibaca bagi kali yang kedua.

Rang Undang-undang ini bertujuan untuk meminda Ordinan Pencen Balu dan Anak Yatim Sarawak (Ban 90) dengan mengadakan satu seksyen baru, seksyen 35A yang memperuntukkan pembayaran tambahan sebanyak 10% kepada pencen yang dibayar sehingga 31hb Disember, 1964, dan yang berterusan dibayar selepas itu berkuatkuasa mulai daripada 1hb Januari, 1965. Tambahan tersebut berdasarkan kepada kiraan Akuari di atas kedudukan kewangan Kumpulan Wang Pencen Balu dan Anak Yatim Sarawak pada 31hb Disember, 1964.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan dipersetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan bagi kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 dan 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG
(SARAAN) YANG DI-PERTUA
DEWAN NEGARA DAN YANG DI-
PERTUA DEWAN RAKYAT (PINDAAN)**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.17 ptg.

Datuk Abdullah Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Akta (Saraan) Yang di-Pertua Dewan Negara dan Yang di-Pertua Dewan Rakyat (Pindaan), 1974 dibaca bagi kali yang kedua.

Sepertimana yang dijelaskan di bawah perkara Huraian Akta ini bertujuan untuk meminda Akta (Saraan) Yang di-Pertua Dewan Negara, 1960, dan Akta (Saraan) Yang di-Pertua Dewan Rakyat, 1960, bagi membuat peruntukan untuk penambahan jumlah wang tahunan yang kena dibayar kepada Yang di-Pertua Dewan Negara dan Yang di-Pertua Dewan Rakyat masing-masing berkenaan dengan gaji kakitangan dan perbelanjaan seisi rumah. Sepertimana Ahli-ahli Yang Berhormat maklum peruntukan gaji seisi rumah sebanyak \$7,000 setahun masing-masing bagi perbelanjaan Yang di-Pertua Dewan Negara dan Yang di-Pertua Dewan Rakyat adalah diperbuat di bawah Clause 2 kepada Jadual-jadual Akta (Saraan) Yang di-Pertua Dewan Negara, 1960 dan Akta (Saraan) Yang di-Pertua Dewan Rakyat, 1960, peruntukan-peruntukan ini sekarang dicadang dinaikkan menjadi \$16,000 bagi Yang di-Pertua Dewan Negara dan \$15,000 bagi Yang di-Pertua Dewan Rakyat.

Cadangan ini diperbuat berikutan dengan pelaksanaan tanggagaji Suffian bagi kakitangan seisi rumah. Dengan pelaksanaan tanggagaji Suffian maka peruntukan asal sebanyak \$7,000 itu tidak memadai.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan perbelanjaan seisi rumah bagi Yang di-Pertua Dewan Negara dan Yang di-Pertua Dewan Rakyat pada masa ini adalah ditetapkan sebanyak \$10,000 setahun bagi tiap-tiap seorang. Peruntukan-peruntukan ini terdapat di Clause 3 kepada Jadual-jadual Akta (Saraan) Yang di-Pertua Dewan Negara, 1960 dan Akta (Saraan) Yang di-Pertua Dewan Rakyat, 1960. Peruntukan sebanyak \$10,000 ini didapati sekarang tidak mencukupi. Ini disebabkan oleh kenaikan perbelanjaan bagi beberapa perkara khususnya bagi bayaran api letrik. Bagi mencukupi bayaran yang semestinya berikutan dengan kenaikan bayaran harga api maka sekarang dicadangkan supaya peruntukan-peruntukan ini dinaikkan daripada \$10,000 menjadi \$15,000 pada tiap-tiap tahun.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

6.20 ptg.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, dalam masaalah ini, saya cuma hendak memberikan pandangan bahawa telah sepatutnya Kerajaan memberikan penambahan ganjaran sebagaimana yang ada dalam Rang Undang-undang ini sebab dengan ini kita berharap Yang di-Pertua Dewan Negara—saya tidak sebut Dewan Rakyat, dapat bekerja dengan tenang, licin, tegas dan baik.

Satu perkara yang sangat dibanggakan oleh Dewan Negara ini, Dewan Negara sekarang ada tohmakninah. Dahulu tidak ada tohmakninah. Persidangan Dewan Negara dan Dewan Rakyat bersambungan. Ini sangat baik, tamat sahaja Dewan Rakyat kita bersidang Dewan Negara sebagaimana sekarang. Ini dapat kami Ahli-ahli Dewan Negara memikir dan membahaskan apa yang diputuskan oleh Dewan Rendah, ini satu perkara yang sangat baik.

Yang kedua, masa perbahasan patut kita fikirkan, sebab Ahli-ahli Dewan Negara ini juga perlu memikir dan memberikan pandangan kepada Kerajaan walaupun sudah diputuskan oleh Dewan Rendah. Dalam perbahasan Titah Di-Raja, saya menganjurkan supaya Kerajaan dapat memikirkan

dengan jalan Tan Sri Yang di-Pertua, diberi seminggu dan ucapan perbahasan Anggaran Belanjawan seminggu. Dengan keadaan ini, tidaklah kami Ahli-ahli Dewan Negara ini dinasihatkan oleh Tuan Yang di-Pertua boleh bercakap 5 minit. Kemudian terus duduk, sudah dua minit tidak dapat kami merasa keadaan yang sebenar, yang betul, sebab kami ini kadang-kadang datang daripada Ahli-ahli yang bertanggungjawab kepada Kerajaan ini. Kalau kami tidak dapat bercakap dengan bebas dan betul, jadi, apa ada ertinya? Kami ini bukan rubber stamp—bukan, kami bertanggungjawab kepada negara ini, yang tertinggi sekali dalam negeri ini, bukan macam Dewan Rendah.

Yang ketiga, kepujian saya berikan kerana ketegasan Tuan Yang di-Pertua dalam meminta Ahli-ahli Dewan ini menggunakan Bahasa Kebangsaan dalam persuratan dan juga lain-lain melainkan setengah Ahli-ahli Dewan Negara hendak bercakap dalam satu perkara yang penting meminta izin daripada Yang di-Pertua, dan bila Tuan Yang di-Pertua izinkan, dia bercakap. Tidak mengapalah Tuan Yang di-Pertua, ada Ahli-ahli Dewan Negara kita ini bercakap bahasa pasar, katanya: "Saya Ipoh pergi, Ipoh mari". Itu tidak mengapa. Mudah-mudahan pada satu masa akan datang mereka akan mengkaji nahu-nahu bahasa Melayu itu: "Saya pergi ke Ipoh, saya datang dari Ipoh". Dia tidak bercakap, "Saya mari Ipoh, saya pergi Ipoh". Ini menjaga kehormatan Dewan Negara yang tertinggi ini.

Satu perkara pada hari mengangkat sumpah, patutlah diberikan kami rihat. Selepas itu kami balik rihat. Tidak semacam ini, masa kami hendak berbahas pun dikenakan angkat sumpah. Kalau Dewan ini Dewan Tertinggi, patut difikirkan oleh Kerajaan.

Yang akhir sekali ialah mengenai tambahan kerusi Menteri-menteri, sebab Dewan Negara sekarang sudah menjadi satu minat Menteri-menteri dan Timbalan Menteri kita hingga semalam Timbalan Menteri kepada Perdana Menteri telah mengatakan kerusi duduk beliau tidak sepatutnya di situ, di sini. Perkara yang macam ini patut Tuan Yang di-Pertua, fikirkan, dilebihkan lagi tambahan kerusi-kerusi para Menteri kita, sebab mereka hendak hadir mesyuarat Dewan Negara dan kami Ahli-ahli Dewan Negara tidak mengapa duduk berhimpit-himpit. Tetapi janganlah Tuan Yang di-Pertua buat pada kawan

saya Yang Berhormat Encik T. S. Gabriel, dia cerita kepada saya: "Saya sekarang banyak susah Datuk:" "Fasal apa?" "Saya pandang ke kanan perempuan, saya pandang ke kiri perempuan." Ini satu perkara yang saya fikir dapat difikirkan oleh Tuan Yang di-Pertua dalam masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua saya menyokong dengan sepenuh-penuhnya Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita ini.

6.25 ptg.

Datuk Abdullah Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, susah saya hendak komen, kerana Ahli Yang Berhormat itu puji sahaja nampaknya. Saya ucapkan terima kasih atas sokongannya pada Rang Undang-undang ini.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 3—

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, dengan tidak payah saya memberi keterangan lebih lanjut, saya hanya meminta, merayu kepada pihak Kerajaan iaitu menukarkan angka "16,000" yang terdapat di dalam Perkara 2 (1) (a) kepada "25,000", dan di dalam Clause 3 (1) (a) "15,000" kepada "20,000".

Tujuan-tujuan dan sebab-sebab itu adalah self-evidence tidak payah kita ceritakan iaitu

Dewan Negara sebuah Dewan Tertinggi saraan hidup itu tidaklah "16,000". Bukan masalah kita tidak memikirkan negara kita ini kekurangan wang menghadapi inflasi dan sebagainya tetapi kedudukan taraf Dewan itu sendiri. Itu yang saya minta.

Datuk Abdullah Ahmad: Tuan Pengerusi, untuk memindakan angka-angka ini kita berkehendakkan notis.

Fasal 1 hingga 3 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG
(SARAAN PENCEN DAN GANJARAN)
ANGGOTA PENTADBIRAN DAN
AHLI PARLIMEN**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.29 ptg.

Menteri Undang-undang dan Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Yang di-Pertua, ucapan saya ini panjang, masa Dewan kita masih ada tidak sampai satu minit, melainkan Tuan Yang di-Pertua, bersetuju dengan tidak ada bantangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat supaya ditutup sekarang, atau dibaca beberapa baris sahaja dan disambung balik. Kemudian hilang trend of thought kita. Saya appeal kepada Tuan Yang di-Pertua dengan izin semua Ahli-ahli Yang Berhormat minta ditutup Majlis ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat dtangguhkan sehingga pukul 2.30 petang, hari Isnin, 13hb Januari, 1975.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.